





KESAN KECEKAPAN KEPADA KEBERUNTUNGAN:  
BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD /  
BANK RAKYAT

OLEH

ZULKIFLE BIN MOHAMAD  
SARJANA MUDA EKONOMI  
(SUMBER ALAM)

JABATAN EKONOMI  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
(UMT)

2009

## PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4399A/4399B) ini adalah hasil Kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui bibliografi yang dilampirkan

Tarikh : 22 April 2009



.....  
ZULKIFLE BIN MOHAMAD  
UK14560

## DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4399A/4399B) is the result of my own investigation and finding expect where otherwise stated. Other sources are acknowledged by giving explicit reference and bibliography is appended.

Date : 22 April 2009



.....  
ZULKIFLE BIN MOHAMAD  
UK14560

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadiran ilahi kerana dengan izinnya dapat saya menyiapkan kertas kerja ilmiah ini dengan jayanya. Subjek kertas kerja ilmiah (EKN4399A/4399B) ini adalah bagi memenuhi jam kredit bagi dua semester terakhir.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih tidak terhingga kepada penyelia saya yang amat dihormati Dr. Azura Sanusi yang tidak jemu-jemu membimbing, memberi nasihat dan membantu dalam menyelesaikan masalah yang timbul sepanjang menyiapkan kertas kerja ilmiah ini. Saya amat mengagumi dan menghormati bakat komitmen yang ditunjukkan oleh beliau sepanjang tempoh yang telah dipertanggungjawabkan kepada saya.

Ribuan terima kasih juga saya hulurkan kepada semua kakitangan dan pensyarah program Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberikan tunjuk ajar, teguran yang membina, semangat untuk berjaya sepanjang projek ini dijalankan. Jasa kalian amat saya hargai.

Keistimewaan dan penghargaan ini juga turut ditujukan khas kepada keluarga tercinta, terutamanya kepada ibu bapa saya yang banyak membantu dari segi sokongan moral dan kewangan serta dorongan yang sepenuhnya kepada diri saya di atas segala apa yang telah saya usahakan.

Tidak lupa juga kepada penyelia saya di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad Cawangan Kulai iaitu En. Abdullah Bin Ahmad kerana telah memberi saya peluang untuk berada di bawah seliaan beliau ketika saya menjalani latihan industri disitu. Kepada semua warga kerja di Bank Rakyat Cawangan Kulai, kerjasama serta layanan yang di beri begitu baik dan diucapkan dengan jutaan terima kasih di atas layanan yang diberikan sama ada secara langsung ataupun tidak. Hal ini kerana layanan yang baik memudahkan saya melakukan kerja dan memperoleh data dengan mudah. Akhir sekali jutaan terima kasih saya hulurkan kepada semua rakan-rakan

seperjuangan dan orang perseorangan yang telah bersama-sama membantu dalam menjayakan kertas kerja ini.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,



Zulkifli Bin Mohamad

No.33G, Lintang 3, Kg Separap,

Mk 4, 83000, Batu Pahat,

Johor

Email : Zul5a@yahoo.com.my

## ABSTRAK

Sistem kewangan merupakan tunggak sesebuah ekonomi. Sistem kewangan yang kukuh dan stabil, disokong oleh satu rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan yang komprehensif, merupakan faktor positif yang menyokong potensi pertumbuhan di Malaysia. Secara umumnya kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keuntungan Bank Rakyat, terutamanya kecekapan bank. Data-data yang digunakan dalam kajian ini adalah data sekunder iaitu dengan menggunakan *cross sectional data* atau data keratan rentas mengikut cawangan. Tahun yang digunakan dalam kajian ini adalah pada tahun 2007. Sebanyak 112 buah cawangan bank digunakan dalam kajian ini. Bagi menganalisis data, dalam kajian ini telah menggunakan dua model iaitu *data envelopment analysis* (DEA) dan model regresi berbilang. Model DEA digunakan untuk mengukur kecekapan dengan menggunakan input dan output bagi memaksimumkan keuntungan. Manakala model regresi berbilang pula digunakan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi keuntungan bank. Bagi model regresi melalui pendekatan ekonometrik, data dianalisis dengan menggunakan perisian E-Views. Model regresi berbilang menggunakan keuntungan sebagai pembolehubah bersandar manakala pembolehubah bebas adalah kecekapan, ciri-ciri bank dan persekitaran ekonomi. Ciri-ciri bank diwakili oleh belanja kendalian, faedah bersih dan aset manakala persekitaran ekonomi diwakili oleh inflasi. Hasil kajian membuktikan bahawa wujudnya kesan yang positif antara pembolehubah bebas iaitu kecekapan dengan keuntungan bank. Selain itu hasil kajian terhadap ciri-ciri bank iaitu belanja kendalian, faedah bersih dan aset mendapati terdapat hubungan antara ciri-ciri bank dengan keuntungan bank. Persekitaran ekonomi pula memberikan kesan negatif terhadap keuntungan bank.

## ABSTRACT

Finance system is subvention of an economic. A stabilize and secure finance system is support by law framework and comprehensive supervise, is the factor that support potential growth in Malaysia. This research will examine the factor that influences Bank Rakyat profit especially banking efficiency. Data that is use in this research is secondary data that collected from 112 branches around the country. Data are from 2007 and data is in form of cross-sectional data. This research will use two models to analyst data which the models are data envelopment analysis (DEA) and multiply regression. DEA model has been use to measure efficiency by using input and output to maximize the profit. Multiply regressions are use to analyst the factor that influences banking profit. Econometric approach has been use in regression model and data has been analysis using the E-Views processor. Regression model is using profit as dependent variable where the independent variables are efficiency, banking characteristic and economic environment. Banking Characteristic are represent by operation expense, interest and asset meanwhile economic environment is represent by inflation. Result has showed that there are positive impact between efficiency and banking profit. Result also shows a relationship between banking characteristic with banking profit. Meanwhile economic environment has given negative impact to banking profit.



## ISI KANDUNGAN

| <b>PERKARA</b>        | <b>MUKA SURAT</b> |
|-----------------------|-------------------|
| <b>HALAMAN JUDUL</b>  | <b>i</b>          |
| <b>PENGAKUAN</b>      | <b>ii</b>         |
| <b>PENGHARGAAN</b>    | <b>iii</b>        |
| <b>ABSTRAK</b>        | <b>v</b>          |
| <b>ABSTRACT</b>       | <b>vi</b>         |
| <b>ISI KANDUNGAN</b>  | <b>vii</b>        |
| <b>SENARAI JADUAL</b> | <b>x</b>          |
| <b>SENARAI RAJAH</b>  | <b>x</b>          |

### **BAB 1 : PENGENALAN**

|       |  |    |
|-------|--|----|
| 1.0   | Pendahuluan                                      | 1  |
| 1.1   | Latar Belakang Kajian                            | 3  |
| 1.1.1 | Sistem Perbankan Malaysia                        | 3  |
| 1.1.2 | Sejarah Bank Rakyat                              | 7  |
| 1.1.3 | Beza Fungsi Bank Rakyat Dengan Bank Konvensional | 8  |
| 1.1.4 | Pencapaian Semasa                                | 10 |
| 1.2   | Permasalahan Kajian                              | 11 |
| 1.3   | Objektif Kajian                                  | 12 |
| 1.4   | Hipotesis Kajian                                 | 13 |
| 1.5   | Kepentingan Kajian                               | 14 |
| 1.6   | Skop Kajian                                      | 15 |
| 1.7   | Organisasi Kajian                                | 15 |

### **BAB 2 : SOROTAN KARYA**

|     |  |    |
|-----|--|----|
| 2.0 | Pendahuluan                                | 17 |
| 2.1 | Teori Keuntungan                           | 17 |
| 2.2 | Kajian Lepas Kecekapan dan Keuntungan Bank | 20 |
| 2.3 | Kesimpulan                                 | 23 |

### **BAB 3: METODOLOGI**

|       |                                       |    |
|-------|---------------------------------------|----|
| 3.0   | Pendahuluan                           | 24 |
| 3.1   | Sumber Data                           | 24 |
| 3.2   | Analisis Data                         | 25 |
| 3.2.1 | Model Data Envelopment Analysis (DEA) | 25 |
| 3.2.2 | Model Regresi Berbilang               | 28 |
| 3.3   | Kesimpulan                            | 30 |

### **BAB 4 : DAPATAN KAJIAN**

|         |   |    |
|---------|---|----|
| 4.0     | Pendahuluan                                     | 31 |
| 4.1     | Analisis Deskriptif                             | 31 |
| 4.2     | Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kecekapan Bank  | 33 |
| 4.2.1   | Analisis Terhadap Nilai Skor                    | 33 |
| 4.2.2   | Analisis Terhadap <i>Projection</i> (Unjuran)   | 35 |
| 4.2.2.1 | Hasil CCR-I                                     | 35 |
| 4.2.2.2 | Hasil CCR-O                                     | 39 |
| 4.2.2.3 | Hasil BCC-I                                     | 41 |
| 4.2.2.4 | Hasil BCC-O                                     | 43 |
| 4.3     | Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keuntungan Bank | 45 |
| 4.3.1   | Analisis Regresi                                | 45 |
| 4.3.1.1 | Pengujian t                                     | 48 |
| 4.3.1.2 | Pengujian F                                     | 50 |
| 4.3.2   | Ujian keertian terhadap anggaran ( $R^2$ )      | 51 |
| 4.4     | Penutup   | 52 |

## **BAB 5 : Rumusan Dan Cadangan**

|       |   |    |
|-------|---|----|
| 5.0   | Pendahuluan   | 53 |
| 5.1   | Rumusan Penemuan Hasil Kajian Berdasarkan Objektif Kajian               | 53 |
| 5.1.1 | Mengukur Kecekapan Bank Rakyat  | 53 |
| 5.1.2 | Kesan Kecekapan Kepada Keuntungan Bank                                  | 54 |
| 5.1.3 | Kesan Ciri-Ciri Bank Dan Persekitaran Ekonomi Kepada<br>Keuntungan Bank | 55 |
| 5.2   | Cadangan  | 56 |
| 5.3   | Implikasi Dasar   | 58 |
| 5.4   | Penutup   | 59 |

## **BIBLIOGRAFI**

## **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL |   | MUKA SURAT |
|------------|---|------------|
| 1.1        | Data Keuntungan Bank Rakyat                   | 11         |
| 4.1        | Keputusan Analisis Deskriptif Statistik       | 32         |
| 4.2        | Keputusan Analisis Kecekapan                  | 34         |
| 4.3        | Keputusan Analisis CCR-I                      | 36         |
| 4.4        | Keputusan Analisis CCR-O                      | 39         |
| 4.5        | Keputusan Analisis BCC-I                      | 41         |
| 4.6        | Keputusan Analisis BCC-O                      | 43         |
| 4.7        | Nilai Taburan-t dan Signifikan Tanpa Inflasi  | 45         |
| 4.8        | Nilai Taburan-t dan Signifikan Dengan Inflasi | 47         |

## SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH |                              | MUKA SURAT |
|-----------|------------------------------|------------|
| 1.1       | Hipotesis Kajian             | 13         |
| 3.1       | Sempadan Kecekapan           | 27         |
| 4.1       | Keputusan Analisis Kecekapan | 33         |

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

Menurut kamus dewan kecekapan merujuk kepada kesanggupan, kemampuan, dan kebolehan dalam melakukan sesuatu kerja. Kecekapan juga merujuk kepada kemahiran, kepandaian dan kepantasan dalam melakukan sesuatu kerja. Keberuntungan pula merujuk kepada hasil pendapatan atau perolehan daripada sesuatu kegiatan seperti perusahaan, perniagaan dan lain-lain yang melebihi modal dan segala perbelanjaan yang berkaitan. Berdasarkan karya yang ditulis oleh Hadenan dan Jani Tamkin (2006), untung adalah sinonim dengan perkataan laba. Perkataan untung dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-ribh* diertikan sebagai pertambahan atau pertumbuhan yang terhasil daripada kombinasi unsur modal dan usaha perniagaan. Takrifan ini dapatlah dirumuskan bahawa untung itu menurut bahasa Arab ialah lebihan dan penambahan keatas modal sebagai natijah daripada usaha dalam aktiviti-aktiviti perniagaan. Kecekapan dan keuntungan sangat berkait rapat dan saling mempengaruhi. Kecekapan dalam menjalankan operasi bank adalah penting bagi memaksimumkan keuntungan. Sekiranya operasi bank dapat dijalankan dengan cekap sudah tentu keuntungan bank dapat dimaksimumkan.

Kalau dilihat kecekapan dari segi operasi, untuk mengukur kecekapan operasi, perlu ditinjau kos yang terlibat dalam menjalankan operasi bank atau nilai sumber yang telah digunakan untuk mengeluarkan perkhidmatan bank. Penjimatan kos selalunya berhubung rapat dengan saiz sesuatu bank. Bagi bank besar yang mempunyai banyak cawangan, bank akan mendapat faedah dari segi pengkhususan pekerja kerana dapat

menawarkan berbagai-bagai perkhidmatan dan menggaji pekerja mahir untuk membekalkan perkhidmatan tersebut. Penjimatan kos juga berlaku dalam pentadbiran, penggunaan peralatan elektronik mahal, pengiklanan, dan pembelian sumber secara besar-besaran. Selain itu, bank yang mempunyai cawangan yang banyak dapat mengadakan program latihan untuk melatih pengurus dan pegawai cawangan dan ini seterusnya mewujudkan pengurusan yang lebih baik dan cekap.

Jika dilihat kecekapan dari segi agihan pula, merujuk kepada bagaimana sumber-sumber diagih dengan cekap untuk kebaikan masyarakat? Perbincangan tentang kecekapan agihan perlu dilihat melalui dua persoalan, iaitu adakah cawangan bank benar-benar cekap dalam menyediakan kredit kepada masyarakat setempat dan adakah bank menyediakan berbagai-bagai jenis perkhidmatan kepada pelanggannya? Kebiasaannya berlaku di kawasan terpencil, cawangan akan menyalurkan tabungan yang diterimanya daripada masyarakat setempat kepada ibu pejabat di bandar besar. Kesannya jumlah kredit yang diwujudkan kepada masyarakat tempatan terhad dan kadar faedah pinjaman pula tinggi. Bagi ahli ekonomi yang memihak kepada cawangan bank pula mengatakan bahawa cawangan bank melalui pejabatnya dapat memindahkan dana daripada cawangan yang mempunyai nisbah pinjaman kepada deposit yang rendah ke pejabat yang mempunyai nisbah yang tinggi. Dengan itu, permintaan masyarakat dapat dipenuhi. Hal ini kerana jumlah pemberian kredit atau pinjaman kepada peminjam bergantung kepada deposit dan juga pelaburan yang menjadi modal kepada bank untuk memberikan pinjaman.

Persoalan kedua ialah adakah bank menyediakan berbagai-bagai jenis perkhidmatan kepada pelanggannya bergantung kepada saiz sesebuah bank. Biasanya lebih besar sesebuah bank, maka lingkungan perkhidmatan yang ditawarkan akan menjadi lebih luas. Dengan adanya sistem cawangan, lebih banyak perkhidmatan bank dapat ditawarkan kepada orang ramai. Tetapi jika sistem cawangan dibiarkan berterusan tanpa kawalan, bank besar akan semakin berkembang dan bank kecil tidak dapat bertanding. Oleh yang demikian peranan Bank Negara Malaysia diperlukan untuk mengawal kegiatan bank daripada menyalahgunakan kuasa.

Peranan untung sebagai penggerak sistem ekonomi adalah suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan. Bahkan untung cukup berpengaruh dalam menentukan hayat sesuatu ekonomi. Sesebuah ekonomi digerakkan untuk mencapai objektif, terutamanya dalam menjana keuntungan yang menterjemahkan ekonomi itu berada pada tahap yang matang dan aktif. Sebaliknya, ketidakmampuan menjana untung mencerminkan ekonomi itu pada tahap yang lesu dan pasif. Peranan untung dalam sebarang perusahaan atau aktiviti ekonomi memainkan peranan penting bagi mengekalkan kestabilan operasi sesuatu firma. Penghasilan untung akan menambahkan jumlah modal terkumpul bagi firma tersebut. Pertambahan ini seterusnya akan membolehkan firma mengembangkan kapasiti dan saiz loginya pada masa depan. Selain itu, terdapat beberapa peranan lain yang dimainkan oleh untung dalam firma itu sendiri, antaranya :

1. Menggiatkan dan menggalakkan pelaburan. Segala pelaburan yang dijalankan adalah bertujuan untuk mendapat keuntungan.
2. Menggerakkan penggunaan sumber keluaran ke peringkat optimum. Sekiranya keuntungan yang tinggi diperoleh dalam sesebuah industri, maka sumber tersebut akan dilaburkan semula ke dalam industri. Untung bagi industri menandakan wujudnya perubahan permintaan pengguna dan menjadi satu panduan kepada pengusaha.
3. Untung juga akan membawa kepada kecekapan. Malah ia mendorong pengusaha memilih cara-cara pengeluaran yang paling cekap.

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

### **1.1.1 Sistem Perbankan Malaysia**

Sistem kewangan merupakan tunggak sesebuah ekonomi. Sistem kewangan di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan penting, yang dikenali sebagai sistem perbankan, institusi kewangan bukan bank atau perantaraan, dan pasaran modal atau kewangan. Di bawah sistem kewangan Malaysia, sistem perbankan merupakan komponen sistem kewangan yang paling utama dan penting. Institusi kewangan bukan bank atau perantaraan terdiri daripada institusi tabungan, syarikat insurans, dana

simpanan dan pencen (Johnson Pang, 1997, m/s 14). Contoh institusi tabungan adalah syarikat koperasi yang terdiri daripada Bank Rakyat.

Dalam sistem perbankan merangkumi dua jenis institusi iaitu institusi kewangan dan institusi bukan kewangan. Institusi kewangan terdiri daripada institusi dimana liabiliti utama, secara amnya diterima sebagai wang iaitu Bank Negara Malaysia dan Bank Perdagangan. Di bawah institusi bukan kewangan pula, di mana liabilitinya diterima sebagai wang hampir terdiri daripada Syarikat Kewangan dan Bank Saudagar. Jadi secara amnya sistem perbankan di Malaysia terdiri daripada Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai badan penguasa dan pengawal dan juga selaku pemberi pinjaman terakhir. Di bawah penyeliaan, terdapat tiga jenis institusi perbankan iaitu Bank Perdagangan, Syarikat Kewangan, dan Bank Saudagar.

Bank Pusat Malaysia iaitu Bank Negara Malaysia (BNM) ditubuhkan dan dimiliki oleh kerajaan untuk melaksanakan dasar kewangan negara. Bank Pusat menyediakan perkhidmatan kepada kerajaan dan Bank Perdagangan. Fungsi utama Bank Pusat adalah mengeluarkan mata wang dan menyimpan rizab bagi menjaga nilai mata wang, mengekalkan kestabilan nilai mata wang dan struktur kewangan yang baik, sebagai jurubank kepada Bank Perdagangan serta untuk mempengaruhi kredit bagi kepentingan negara. Selain itu, Bank Pusat juga berfungsi sebagai peminjam terakhir Bank Perdagangan yang bermasalah dan menyediakan tempat penjelasan cek. Bank Pusat juga bertanggungjawab menyelia, mengawal, dan memajukan industri insurans sebagai sebahagian daripada sistem kewangan. Bermula 1 Mei 1988, Gabenor Bank Pusat mula bertindak sebagai Ketua Pengarah Insurans dan Ketua Pengarah Takaful.

Bank Perdagangan dimiliki oleh pihak swasta yang menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada orang ramai untuk mengaut keuntungan. Bank Perdagangan ditubuhkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia. Terdapat dua jenis Bank Perdagangan iaitu bank perdagangan milikan tempatan dan bank perdagangan milikan asing. Bank Perdagangan merupakan institusi kewangan yang paling banyak dan paling penting di Malaysia. Mulai tahun 1997,



bilangan bank perdagangan milikan tempatan di Malaysia telah dikurangkan melalui proses penggabungan untuk menambahkan jumlah modal bank perdagangan tempatan. Penggabungan bank-bank perdagangan adalah perlu untuk mengatasi masalah kekurangan kecairan dalam sistem perbankan akibat kemerosotan teruk dalam nilai Ringgit Malaysia dan harga saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Fungsi utamanya adalah menerima simpanan, memberi pinjaman dan menyediakan kemudahan pembayaran melalui cek. Selain itu, Bank Perdagangan juga menyediakan perkhimatan pertukaran wang asing serta memberi kemudahan pengiriman wang seperti cek kembara. Contoh bank perdagangan milikan tempatan seperti EON Bank Berhad, Public Bank Berhad, Malayan Banking Berhad, Hong Leong Bank Berhad, Affin Bank Berhad, RHB Bank Berhad, AmBank (M) Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad, Hong Leong Islamic Bank Berhad dan RHB ISLAMIC Bank Berhad. Bagi bank perdagangan milikan asing pula terdiri daripada Hongkong Bank Malaysia Berhad, Citibank Berhad, OCBC Bank (M) Berhad, Bangkok Bank Berhad dan Bank of America Malaysia Berhad.

Bank Saudagar atau Pelaburan ialah institusi kewangan yang memberikan perkhidmatan kewangan kepada saudagar. Bank Saudagar juga dikawal oleh Bank Pusat. Bank Saudagar menerima deposit secara besar-besaran (minimum RM250,000) daripada Bank Perdagangan, Syarikat Kewangan, syarikat berhad dan syarikat korporat. Bank Saudagar memberi pinjaman sindiket (gabungan pinjaman beberapa bank dan institusi kewangan lain) untuk membiayai projek besar syarikat-syarikat perniagaan. Bank Saudagar menggerakkan dana simpanan besar melalui pelaburan dalam saham dan menanggung jaminan terbitan saham baru kepada syarikat-syarikat berhad yang hendak meluaskan bidang perniagaan mereka. Bank Saudagar menyediakan khidmat nasihat korporat tentang penswastan dan membantu pengambilalihan atau penggabungan syarikat-syarikat berhad. Bank Saudagar ini juga berfungsi sebagai penanggung jaminan terbitan syer (underwriter), iaitu Bank Saudagar akan memberi syer yang tidak dapat dilanggan sepenuhnya oleh pelabur, memberi nasihat dan kepakaran dalam usahasama, mengambil alih, penyusunan semula syarikat, pelaburan dan pengurusan. Kebanyakan Bank Saudagar yang beroperasi di Malaysia adalah bertaraf antarabangsa, misalnya Arab-

Malaysian Development Bank Berhad, Malaysian International Merchant Bankers Berhad, Affin Investment Bank Berhad, Alliance Investment Bank Berhad, CIMB Investment Bank Berhad, Public Investment Bank Berhad dan RHB Investment Bank Berhad.

Syarikat Kewangan merupakan kumpulan pendeposit kedua terbesar dan kedua terpenting di Malaysia selepas Bank Perdagangan. Syarikat Kewangan dimiliki oleh pihak swasta dengan tujuan untuk mencari keuntungan. Semua Syarikat Kewangan dikawal oleh Bank Pusat. Fungsi utama Syarikat Kewangan adalah menerima deposit daripada orang ramai melalui kemudahan deposit tabungan dan deposit tetap yang disediakan. Fungsi yang paling menguntungkan Syarikat Kewangan ialah memberi pinjaman dalam bentuk pinjaman sewa beli, pinjaman perumahan, pembiayaan pajakan dan lain-lain. Syarikat Kewangan tidak menyediakan kemudahan deposit semasa kepada para pelanggannya. Oleh itu, Syarikat Kewangan tidak boleh mencipta kredit seperti Bank Perdagangan. Contoh Syarikat Kewangan seperti MBF Finance Berhad dan HSBC Finance (Malaysia) Berhad.

Kini sistem perbankan terus berdaya tahan dan berkedudukan kukuh untuk memenuhi keperluan pembiayaan dan perkhidmatan kewangan ekonomi dalam negeri. Pada akhir bulan Jun 2008, permodalan sistem perbankan terus teguh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 13% dan 10.1%. Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM5.2 bilion pada suku kedua, dengan pulangan atas aset dan ekuiti tahunan purata masing-masing pada 1.7% dan 22%. Sementara itu, pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3-bulan menurun lagi sebanyak 6.7% kepada RM17.8 bilion untuk mencakupi 2.7% daripada jumlah pinjaman bersih. Dengan itu sistem perbankan dilihat amat penting dalam mengukuhkan dan menstabilkan ekonomi negara.

Dengan penjelasan tentang sistem perbankan beserta contoh bank-bank yang ada di Malaysia seperti di atas, ini boleh memperlihatkan kedudukan sesebuah bank dalam sistem perbankan di Malaysia. Dalam kajian memfokuskan kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad yang kini mengamalkan sistem perbankan Islam dalam menggerakkan operasinya. Dengan penjelasan tentang sistem perbankan juga dapat membezakan Bank Rakyat dengan bank bank-bank lain terutamanya Bank Perdagangan. Bank Rakyat merupakan Bank Koperasi Islam terbesar di Malaysia yang menjalankan operasi berlandaskan syariat Islam sepenuhnya sejak tahun 2003. Berbeza dengan bank perdagangan lain, Bank Rakyat diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Bank Negara Malaysia. Terkenal dengan pengagihan dividen yang tinggi setiap tahun iaitu dividennya kini pada kadar 20 peratus setahun. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Bank Rakyat, dalam bahagian 1.1.2 di jelaskan berkenaan sejarah Bank Rakyat.

### **1.1.2 Sejarah Bank Rakyat**

Bank Rakyat ditubuhkan pada 28 September 1954 di bawah Ordinan Koperasi 1948, berikutan perkembangan gerakan koperasi di negara ini. Dengan perkembangan gerakan koperasi tersebut, keputusan telah dibuat untuk menubuhkan bank masing-masing yang dikenali sebagai Bank Persatuan dengan tujuan untuk memenuhi keperluan kewangan anggota-anggota. Pada 28 September 1954, 11 daripada Bank Persatuan tersebut bersetuju untuk bergabung dan membentuk Bank Agong (Apex Bank).

Dalam tahun 1967, Bank Kerjasama Malaysia Berhad menggantikan Bank Agong dan keanggotaannya dibuka untuk individu, selain daripada koperasi. Seterusnya, penubuhan anak-anak syarikat juga dibenarkan. Pada 6 Januari 1973, namanya ditukar menjadi Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad atau lebih dikenali sebagai Bank Rakyat. Satu akta khas telah diwujudkan untuk melicinkan pentadbiran Bank Rakyat, iaitu Akta Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad (Peruntukan Khas) 1978 (Akta 202) yang membolehkan Bank Rakyat menawarkan pembiayaan kepada mereka yang bukan anggota.

Pada tahun 1986, Tabung Simpanan Nuri untuk kanak-kanak telah diperkenalkan. Pada tahun 1989, Bank Rakyat telah diletakkan terus di bawah Kementerian Tanah & Pembangunan Koperasi dan Kementerian Kewangan. Lanjutan daripada kajian semula Akta Koperasi dalam tahun 1993, Bank Rakyat telah dibenarkan beroperasi di Sabah & Sarawak. Pada 8 Mei 1993, Bank Rakyat telah mengambil langkah penting ke arah menjadi bank koperasi syariah dengan melancarkan produk perbankan syariah di empat buah cawangannya. Pada tahun 1994, Bank Rakyat menukar konsep perbankan komersial kepada perbankan Islam. Bank Rakyat menjadi bank koperasi syariah sepenuhnya dalam tahun 2002. Langkah yang berani ini meletakkan Bank Rakyat di dalam sejarah sebagai bank ketiga yang menawarkan produk perbankan syariah sepenuhnya di Malaysia.

Pada 15 Februari 2002, Bank Rakyat bersama enam lagi institusi kewangan dan pembangunan telah diletakkan di bawah pengawasan Bank Negara Malaysia menurut Akta Pembangunan Institusi Kewangan (DFIA). Pada 27 Mac 2004, Bank Rakyat telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Bank Negara Malaysia. Sehingga kini, terdapat sejumlah 114 cawangan Bank Rakyat yang menawarkan kemudahan perbankan syariah di seluruh negara dan ditadbir dibawah Akta Koperasi 1993.

### **1.1.3 Beza Fungsi Bank Rakyat Dengan Bank Konvensional**

Bank Rakyat merupakan Bank Koperasi. Perbezaan daripada Bank Perdagangan Konvensional terdapat pada pengelolaannya. Bank Rakyat menjalankan operasinya berlandaskan prinsip dan hukum syariah dan matlamat utama adalah untuk meninggikan taraf ekonomi dengan cara memberi pinjaman atau pembiayaan pada kadar keuntungan yang berpatutan kepada anggota-anggotanya. Manakala Bank Perdagangan Konvensional pula adalah institusi kewangan milik swasta tidak berlandaskan prinsip dan hukum syariah dan matlamat utamanya adalah untuk mendapatkan untung. Kadar faedah yang dikenakan oleh Bank Konvensional adalah lebih tinggi berbanding kadar keuntungan yang dikenakan oleh Bank Rakyat.

Dalam dunia perniagaan moden, salah satu cara mengurangkan risiko kerugian akibat kemalangan ialah melalui insuran. Bank Rakyat menawarkan kemudahan insuran takaful iaitu konsep insurans dimana dana dikumpulkan untuk menolong orang yang memerlukan tidak bertentangan dengan syariah. Konsep ini selari dengan prinsip ganti rugi dan tanggungjawab bersama di kalangan ahli masyarakat. Ia bukan konsep yang baru tetapi telah diamalkan oleh golongan Muhajirin dari Mekah dan golongan Ansar dari Madinah selepas hijrah Rasulullah s.a.w. pakar perundangan Islam umumnya bersetuju bahawa operasi insurans konvensional tidak mengikut peraturan dan kehendak sariah. Kontrak insurans konvensional melibatkan unsur ketidakpastian (Al-gharar). Juga terdapat unsur perjudian (Al-maisir) oleh kerana ketidakpastian dan riba dalam aktiviti pelaburan syarikat insurans konvensional. Unsur-unsur tersebut adalah bertentangan dengan peraturan syariah. Takaful merupakan satu bentuk perlindungan alternatif yang boleh digunakan oleh orang Islam untuk mengurangkan risiko kerugian akibat kecelakaan.

Bank Rakyat menerima deposit dari orang ramai mengikut prinsip Al-Mudarabah iaitu mengikut konsep Islam. Bank bertindak sebagai pemegang amanah untuk menjaga deposit tunai penyimpan dan pihak bank akan membayar dividen dengan kadar yang tinggi kepada anggota-anggotanya apabila bank mendapat keuntungan. Bank Rakyat lebih mengutamakan anggota dan pelanggan Manakala Bank Konvensional lebih mengutamakan keuntungan daripada kebajikan anggota-anggotanya. Kebajikan anggota dan pelanggannya kerap terabai kerana Bank Konvensional akan menjana pulangan yang melampau bagi sumber-sumber yang sedia ada.

Urusan Bank Rakyat yang berlandaskan syariat Islam mendatangkan satu pendekatan urusan bank yang baru. Menghapuskan unsur eksploitasi dan mengikis sikap konfrontasi antara pemberi pinjam dan pengusaha yang memerlukan pinjaman. Semangat kerjasama dan perkongsian yang diterapkan dalam syariat Islam akan membawa kepada keharmonian dan kesejahteraan masyarakat.

#### 1.1.4 Pencapai Semasa

Bank Rakyat kini memiliki aset terbesar di Malaysia dan memiliki aset berjumlah RM34.9 bilion atau 19.2 peratus daripada jumlah keseluruhan aset perbankan Islam Malaysia sebanyak RM181.90 bilion menjelang akhir tahun 2007. Jumlah aset meningkat sebanyak RM7.4 bilion atau 27% kepada RM34.9 bilion pada tahun 2007 berbanding RM27.4 bilion pada tahun 2006. Purata pulangan atas aset adalah pada kadar 2.7% dan nisbah mudah tunai bank pula berada pada tahap 33.5%.

Bank ini juga memiliki dana pemegang saham sebanyak RM3.964 bilion dengan modal saham berjumlah RM1.993 bilion dan rizab RM1.665 bilion. Sehingga tahun 2007, bilangan anggota Bank Rakyat ialah 793,482 berbanding 750,503 pada tahun 2006, meningkat sebanyak 5.7%. Pulangan atas kumpulan wang anggota adalah pada kadar 20.9%, manakala pulangan atas modal saham adalah pada kadar 41.6%. Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) berada pada tahap 19.2%, berbanding keperluan minimum Bank Negara Malaysia sebanyak 8.0%. Nisbah Modal Teras (CCR) pula berada pada tahap 16.6% dan nisbah pembiayaan atas deposit adalah pada kadar 84.2%. Jumlah deposit, simpanan dan pelaburan Al-Mudharabah mencatatkan peningkatan sebanyak RM4,542.8 juta atau 20.0% kepada RM27,253.6 juta berbanding RM22,710.8 juta pada tahun sebelumnya.

Baki pembiayaan menyaksikan pertumbuhan sebanyak RM3,914.0 juta atau 20.6% kepada RM22,936.3 juta berbanding RM19,022.3 juta pada tahun 2006. Bagi tahun kewangan 2007, nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih ialah pada kadar 2.4% berbanding 2.8% bagi tahun sebelumnya. Liputan atas pembiayaan bagi pembiayaan tidak berbayar terus bertambah baik kepada 105.5% berbanding 101.5% pada tahun sebelumnya. Pendapatan pembiayaan meningkat sebanyak 24.6% kepada RM2,237.4 juta berbanding tahun 2006. Peningkatan ini adalah hasil daripada pertumbuhan dalam pembiayaan serta pengurusan aset dan liabiliti bank yang berkesan.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad mencatatkan pertumbuhan perniagaan yang konsisten yakin prestasi bank koperasi terbesar di Malaysia itu mampu terus dikekalkan, sekaligus mengukuhkan kedudukannya dalam industri perbankan Islam negara. Jadual 1.1 menunjukkan jumlah keuntungan Bank Rakyat dari tahun 2003 hingga 2007:

Jadual 1.1: Data Keuntungan Bank Rakyat

| Tahun            | 2003   | 2004   | 2005   | 2006   | 2007   |
|------------------|--------|--------|--------|--------|--------|
| Keuntungan(juta) | 401.05 | 460.44 | 535.54 | 626.63 | 828.83 |

Berdasarkan Jadual 1.1, jumlah keuntungan Bank Rakyat sentiasa mengalami peningkatan dari tahun ke tahun. Pada tahun 2003 keuntungannya sebanyak RM401.05 juta. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2007, Bank Rakyat mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat berjumlah RM828.8 juta, meningkat sebanyak RM202.2 juta atau 32.3 peratus berbanding RM626.6 juta pada tahun 2006 yang merupakan pencapaian keuntungan tertinggi. Bank Rakyat dijangka mampu mencapai keuntungan sebelum cukai dan zakatnya sebanyak RM1 bilion pada tahun 2008, setahun lebih awal daripada sasaran sebelum ini pada tahun 2009.

Pengarah Urusan Bank Rakyat, Datuk Kamaruzaman Che Mat menyatakan bahawa pada tahun 2008, Bank Rakyat mengunjurkan pertumbuhan keuntungannya meningkat sebanyak 10 peratus kepada RM910 juta. Berikutan pencapaian keuntungan Bank Rakyat yang memberangsangkan itu Bank Rakyat dijangka mampu mencapai keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM1 bilion pada tahun 2008. Untuk mencapai unjuran (RM1 bilion) ia tertakluk kepada kedudukan ekonomi serta berharap Kadar Asas Semalaman (OPR) di paras 3.5 peratus dikekalkan agar kos dana tidak meningkat. Selain itu, persekitaran ekonomi negara juga banyak mempengaruhi perniagaan Bank Rakyat kerana kestabilan dan pengukuhan ekonomi telah mendorong pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan (Utusan Malaysia, 2008, Februari 20).

Ahli lembaga pengarah Bank Rakyat, Datuk Zainuddin Abdul Rahman pula menyatakan Bank Rakyat merupakan sebuah bank koperasi Islam terbesar di negara ini, tidak bercadang untuk meningkatkan saiz dana modal sahamnya yang kini mencecah RM2 bilion. Bank Rakyat telah membekukan penambahan modal dan bilangan keahlian untuk membolehkan setiap ahli menikmati dividen yang menggalakkan. Tidak ada gunanya Bank Rakyat meningkatkan saiz dana modal berkenaan jika ahlinya gagal menikmati dividen yang tinggi (Utusan Malaysia, 2008, Mei 22). Pernyataan ini menunjukkan kecekapan Bank Rakyat menguruskan deposit pelanggan. Berdasarkan permasalahan kajian diatas persoalan kajian yang ingin dijawab melalui kajian ini adalah:

- Adakah Bank Rakyat beroperasi dengan cekap?
- Adakah peningkatan dalam keuntungan disebabkan kecekapan bank?
- Adakah ciri-ciri bank akan mempengaruhi keuntungan?
- Adakah keadaan ekonomi semasa mempengaruhi keuntungan?
- Walaupun keuntungan bank mengalami peningkatan dari tahun ke tahun, tetapi adakah jangkaan untuk mencapai RM1 bilion tercapai?

### **1.3 Objektif Kajian**

Oleh itu, berdasarkan permasalahan dan persoalan kajian yang dibincangkan dalam bahagian 1.2 maka objektif kajian ini adalah untuk :

**Umum** : Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keuntungan Bank Rakyat, khususnya kecekapan bank.


**Khusus** :

- 1) Untuk mengukur kecekapan Bank Rakyat.
- 2) Mengenalpasti kesan kecekapan kepada keuntungan bank.
- 3) Mengenalpasti kesan ciri-ciri bank dan persekitaran ekonomi kepada keuntungan bank.



## 1.4 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif khusus kajian, hipotesis kajian adalah seperti Rajah 1.1 seperti berikut:



Ho1 : Kecekapan tidak mempengaruhi jumlah keuntungan

Ha1 : Kecekapan mempengaruhi jumlah keuntungan

Ho2 : Ciri-ciri bank tidak mempengaruhi jumlah keuntungan

Ha2 : Ciri-ciri bank mempengaruhi jumlah keuntungan

Ho3 : Kedudukan ekonomi tidak mempengaruhi jumlah keuntungan

Ha3 : Kedudukan ekonomi mempengaruhi jumlah keuntungan

## **1.5 Kepentingan Kajian**

### **1. Kepentingan Kepada Khazanah Ilmiah**

Dari segi khazanah ilmiah, kajian ini diharapkan dapat menyokong dan mengukuhkan teori dan model kajian terdahulu berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi keuntungan dan kecekapan terutamanya dalam sektor perbankan. Di samping itu, kajian ini juga dijalankan bagi menambah bilangan kajian yang berkaitan dengan perbankan yang dirasakan amat kurang dijalankan terutama di Malaysia. Dapatan dari kajian ini juga menambahkan bahan bacaan umum dalam bentuk artikel atau jurnal.

### **2. Kepentingan Kepada Organisasi**

Pihak bank dalam hubungannya dengan kajian ini akan dapat menggunakan maklumat kajian bagi kepentingan perniagaan mereka. Teknik-teknik pengeluaran yang akan meningkatkan kos boleh diperbaiki dengan melakukan rujukan terhadap kajian ini yang boleh memberi maklumat tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keuntungan dan kecekapan serta kaitan kos dengan kecekapan. Dapatan dari kajian ini juga diharap dapat membantu pihak bank dalam menyusun semula operasi pengeluarannya bagi mengelakkan kerugian.

### **3. Kepentingan Kepada Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK)**

Objektif PISK adalah untuk membangunkan sistem kewangan agar lebih kompetitif, berdaya tahan dan dinamik. Di dalamnya terkandung 119 saranan yang perlu dicapai. Supaya dengan adanya kajian ini dapat membantu pihak berkewajipan dalam mencapai atau merealisasikan objektif dan saranan tersebut terutamanya saranan yang berkaitan dengan kecekapan dan keuntungan dalam sistem perbankan negara.

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian ini dijalankan ke atas sebuah bank Malaysia iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Kini Bank Rakyat mempunyai 114 buah cawangan yang di pecahkan kepada 7 buah wilayah. Dalam kajian ini menggunakan sample cawangan Bank Rakyat iaitu sebanyak 112 buah cawangan bagi mengkaji kecekapan dan keberuntungan bank.

Kajian ini adalah tertumpu kepada kesan kecekapan kepada keuntungan bank. Menilai sejauh mana kecekapan bank mempengaruhi keuntungan dan faktor-faktor lain mempengaruhi keuntungan bank. Terdapat 3 faktor utama yang mempengaruhi keuntungan akan dikaji dalam kajian ini termasuk kecekapan bank.

## **1.7 Organisasi Kajian**

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab utama iaitu pengenalan, sorotan karya, metodologi, dapatan kajian serta kesimpulan dan cadangan kajian.

Bab 1 ialah pengenalan, dimana ia menerangkan tentang keuntungan dan kecekapan bank, sistem perbankan di Malaysia, sejarah Bank Rakyat, perbezaan fungsi Bank Rakyat dengan Bank Perdagangan Konvensional, tahap pencapaian semasa dan permasalahan kajian. Maklumat lain yang terdapat dalam bahagian ini adalah objektif kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, dan skop kajian.

Bab 2 pula ialah sorotan karya iaitu bab yang menerangkan teori kecekapan, teori keberuntungan, dan hasil-hasil kajian lepas mengenai kecekapan dan keberuntungan bank dan jenis kaedah yang digunakan oleh pengkaji terdahulu. Setiap ulasan dan pandangan daripada kajian lepas di masukkan dalam bab ini.

Bab 3 adalah metodologi yang akan menjelaskan kaedah dan model yang digunakan. Dalam menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kecekapan bank, kaedah yang digunakan adalah kaedah penyampulan data atau '*Data Envelopment Analisis*' (DEA) manakala dalam menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi keuntungan bank, model regresi digunakan dalam kajian ini.

Bab 4 merupakan dapatan kajian. Dalam bab ini menyatakan penemuan yang diperolehi daripada kajian yang telah dilakukan.

Bab 5 iaitu bab yang terakhir adalah rumusan dan cadangan kajian. Bab ini menyatakan rumusan hasil serta ulasan berkaitan tajuk kajian. Selain itu, cadangan baru yang dirasakan sesuai atau perlu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi turut dimasukkan dalam bab ini.

## BAB 2

### SOROTAN KARYA

#### 2.0 Pendahuluan

Kajian mengenai kesan kecekapan kepada keberuntungan banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Kajian lepas dapat membantu pengkaji untuk melakukan kajian serta dapat menggunakan kaedah dan model pengkaji lepas dalam sesuatu kajian. Dapatan atau hasil daripada kajian lepas banyak menyumbang kepada perkembangan dan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh bank dan seterusnya membolehkan bank-bank menjalankan operasinya dengan cekap bagi memaksimumkan keuntungan. Bab ini ialah sorotan karya iaitu bab yang menerangkan teori kecekapan bank, teori keberuntungan bank, dan hasil-hasil kajian lepas mengenai kecekapan dan keberuntungan bank serta jenis kaedah yang digunakan oleh pengkaji terdahulu. Setiap ulasan dan pandangan daripada kajian lepas di masukkan dalam bab ini.

#### 2.1 Teori Keuntungan<sup>1</sup>

Sebelum era moden, apabila sesuatu perniagaan dikendalikan, dimiliki dan diarahkan oleh seorang peniaga, ia mendapat ganjaran termasuklah gaji daripada perusahaan, pulangan modal, dan untung daripada daya usaha keusahawanannya. Seandainya bayaran gaji dan bahan-bahan mentah dikira sebagai jumlah kos maka yang selebihnya dianggap sebagai untung. Adam Smith (1723-1790) dalam *The Wealth of Nation* menyediakan ulasan kritis yang berguna terhadap pandangan tentang teori untung seperti yang dibahaskan ketika itu. Smith menerangkan perbezaan yang ketara antara

---

<sup>1</sup> Semua teori keuntungan diperoleh daripada karya yang ditulis oleh Hadenan & Jani Tamkin (2006).  
Untung dalam Sistem Perbankan Islam.

untung dengan faedah. Beliau menyatakan bahawa untung adalah ganjaran kepada modal dan faedah pula adalah ganjaran kepada harga yang dibayar terhadap pemberian pinjaman wang seperti dana pinjaman. David Ricardo (1772-1823) dalam *The Principle of Political Economy and Taxation*, beranggapan bahawa secara normalnya untung merujuk kos sebenar yang mesti dibayar bagi memastikan kesinambungan penawaran dalam sumber modal, walaupun kadang-kadang, sebagaimana yang dinyatakan Knight, untung diandaikan sebagai lebihan atau baki seperti sewa (*residual as rent*). Sementara dalam *Essay on Profit (An Essay on the Influence of Law Price of Corn on The Profits of Stock*, Ricardo dengan jelas mendefinisikan untung sebagai hasil pulangan modal dan organisasi pengeluaran yang terlibat.

Alfred Marshall (1842-1924) pula akhirnya berjaya merungkaikan kekeliruan dalam polemik teori untung. Marshall menjelaskan bahawa untung normal adalah diperoleh daripada pembayaran kepada persaingan pemilik – pengusaha, iaitu faedah daripada modal yang dilabur dan gaji untuk pihak pengurusan. Sementara untung tidak normal pula merujuk kepada lebihan yang melampaui jumlah kos, iaitu suatu jumlah baki yang bersifat sementara dalam ekonomi yang bersaing. Jadi, untung adalah lebihan yang berpunca daripada keadaan-keadaan yang tidak normal seperti kekurangan daya persaingan atau daya dinamik dan perubahan yang tidak dijangkakan.

Karl Marx (1818-1883) pula mempunyai idea yang eksplisit tentang teori keuntungan berbanding penulis-penulis klasik yang lain. Marx menyarankan teori untung yang mudah sebagai “model dua sektor” dengan dua input buruh dan modal. Buruh menerima upah sara hidup atau cukup hidup (*subsistence wage*) berpandukan definisi fahaman Marxist, iaitu persamaan dalam nilai komoditi. Nilai pasaran atau harga adalah melebihi nilai sebenar, dan perbezaan antara dua nilai ini disebut nilai lebihan. Dengan perkataan lain, nilai lebihan ini adalah merujuk kadar keuntungan yang diperoleh.

Oleh sebab hanya input selain buruh adalah modal, bagi Marx, untung adalah hasil pulangan daripada modal. Teori Marx ini dikenali sebagai “teori eksploitasi” (*exploitation theory*). Marx percaya bahawa pihak yang menerima upah akan hanya

mendapat upah sara hidup atau cukup hidup, dan lebihannya dianggap sebagai bahagian keuntungan dan ia juga adalah hasil pulangan daripada modal yang diperoleh akibat kuasa penawaran yang ada padanya.

Pemilikan modal membolehkan pihak kapitalis mendapatkan perkhidmatan buruh. Pihak kapitalis juga dapat mengawal hala tuju kuasa penawaran modal dan dalam masa yang sama mampu mengekalkan upah buruh pada tahap upah sara hidup atau upah cukup hidup. Jadi, pemilikan terhadap aset-aset pengeluaran adalah kata kunci kepada teori Marx tentang untung. Teori ini juga boleh disamakan dengan istilah “teori keuntungan kuasa penawaran” (*bargaining-power theory of profit*).

Sementara Knight (1885-1972), melanjutkan polemik yang tidak berkesudahan tentang teori untung yang akhirnya berjaya membentuk suatu gambaran yang terbaik dalam teori untung dengan membuat analisis dan rumusan daripada teori-teori terdahulu. Menurut Knight, untung adalah baki pulangan yang dijana oleh penguasa sebagai ganjaran daripada keputusan tepat yang diambil pada satu ketika tertentu dalam usaha mendapatkan hasil yang terbaik pada masa akan datang yang bersifat tidak pasti. Dalam model Knight ini, pengusaha berusaha mengurangkan tahap ketidakpastian sebanyak mungkin. Dia bertanggungjawab secara khusus terhadap keputusan yang di buat. Sekiranya suatu kejadian telah berlaku yang membuktikan keputusan yang diambil tepat dan betul, maka di situlah untung juga boleh diperoleh. Jika sebaliknya berlaku, dia tidak sepatutnya meneruskan penglibatan dalam pembuatan keputusan lagi. Kesimpulannya, untung boleh dikelaskan sebagai berikut :

1. Ganjaran daripada pembuatan keputusan berhubung dengan satu-satu tahap pasaran.
2. Ganjaran daripada pembuatan keputusan yang menghasilkan peningkatan dalam monopoli.
3. Ganjaran daripada pembuatan keputusan berhubung dengan pemilikan hadapan dalam modal cair yang boleh memberi usaha bersifat “durian runtuh”.
4. Ganjaran daripada pembuatan keputusan yang diambil berhubung dengan memperkenalkan teknologi dan inovasi yang baharu – sekiranya berjaya, ia akan meningkatkan keuntungan yang dicipta.

## 2.2 Kajian Lepas Kecekapan dan Keuntungan Bank

Amrizal dan Wan Nursofiza (2006) telah mengkaji pembolehubah-pembolehubah yang menyumbang kepada kecekapan Bank Islam Malaysia Berhad dengan menggunakan model sempadan kos rawak (*stochastic cost frontier model*). Berdasarkan model ini kecekapan dicapai apabila kos bagi pembolehubah input dan output diletakkan pada sempadannya. Sebarang penyimpangan dari sempadan akan memandu kepada ketidakcekapan. Dalam kajian ini mengelaskan kecekapan ke dalam kecekapan peruntukan dan kecekapan teknikal. Kecekapan teknikal merujuk kepada mengukur kejayaan firma dalam mengeluarkan output pada tahap maksima daripada satu kombinasi input yang diberi, sementara kecekapan alokatif pula merujuk kepada kemampuan firma memilih kombinasi input yang optima. Data yang digunakan adalah pada tahun 1984 hingga 2005 yang diperolehi daripada laporan tahunan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Output yang digunakan adalah pelaburan, sementara input yang digunakan adalah buruh, modal dan deposit. Dapatan kajian melaporkan : pertama, nilai keseluruhan kecekapan adalah 38% yang menunjukkan prestasi BIMB di bawah tingkat optimum. Bagi memperbaiki situasi ini BIMB perlu mengambil butir-butir kos dalam kunci kira-kira. Kedua, kecekapan teknikal adalah 16%, menunjukkan bahawa elemen-elemen input tidak digunakan dengan sepenuhnya. Ketiga, walaupun tiga input dikaji kedua-dua deposit dan modal didapati lebih cekap berbanding buruh. Keempat, kajian ini juga memberi bukti bahawa ketidakcekapan peruntukan bank adalah sebanyak 27%. Ini menunjukkan bahawa operasi bank banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan juga luaran. Faktor-faktor seperti peruntukan dalam input yang tidak sesuai, perubahan dalam ekonomi dan perubahan dalam polisi kewangan boleh memberi kesan yang kuat kepada perniagaan bank. Hasil kajian lain yang dijumpai dalam kajian ini adalah berkenaan konsep zakat dalam sistem perbankan Islam. Jumlah zakat yang dibayar oleh Bank Islam dikira daripada aset yang tidak mendatangkan hasil. Lebih besar jumlah zakat yang dibayar menunjukkan lebih banyak aset yang tidak produktif dipegang oleh bank. Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa bank harus tepat dalam menggerakkan asetnya.



Molyneux dan Thornton (1992) mengkaji penentu-penentu keuntungan bank Eropah. Dalam kajiannya telah menggunakan sampel sebanyak 18 negara Eropah antara tahun 1986 hingga 1989. Pengkaji menganggarkannya dengan menggunakan persamaan linear mudah. Pembolehubah bersandar yang digunakan adalah keuntungan. Manakala pembolehubah tidak bersandar pula meliputi aset, modal, kadar faedah nominal dan pemilikan kerajaan. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan positif antara modal, aset, pemilikan kerajaan dan kadar faedah nominal dengan keuntungan bank.

Poon, Firth dan Fung (1999) mengkaji kadar kekuatan kewangan bank (BFSRs) yang diperkenalkan oleh Moody's Investors Services pada tahun 1995 bagi menilai kekuatan kewangan seluruh bank-bank komersil di lebih 50 buah negara. BFSRs yang diperkenalkan oleh Moody's boleh digunakan dalam menentukan kekuatan atau kelemahan institusi kewangan. Satu objektif kajian ini adalah untuk membangunkan model bagi membantu menjelaskan BFSRs dengan merujuk kepada pembolehubah perakaunan dan nisbah kewangan bank. Pengkaji telah membangunkan model regresi logistik bagi menjelaskan BFSRs. Model ini meliputi kadar debit jangka pendek (STDR) dan kadar debit jangka panjang (LTDR). Pembolehubah bersandar yang digunakan adalah kekuatan dan kelemahan kewangan manakala pembolehubah tidak bersandar adalah risiko, peruntukan pinjaman dan keuntungan. Hasil kajian yang diperolehi mendapati pembolehubah paling penting ialah peruntukan pinjaman diikuti risiko dan keuntungan. Hasil kajian ini mencadangkan BFSRs tidak boleh menambahkan terlalu banyak maklumat sehingga melebihi kadar debit. Mencadangkan kadar debit perlu sama dengan maklumat BFSRs.

Park dan Weber (2006) mengenalpasti penentu-penentu keuntungan dalam sektor perbankan Korea bagi tempoh 1992 hingga 2002 dengan menguji hipotesis struktur pasaran dan hipotesis struktur kecekapan. Pengkaji telah menggunakan data sekunder semua bank Korea tahun 1992 hingga 2002. Data di ambil daripada penyata kewangan bank Korea. Bilangan bank Korea meningkat pada awal 1990 tetapi berkurang selepas krisis kewangan 1997-1998. Dalam tahun 1992 hingga 1994 terdapat 24 buah bank, tahun 1997 terdapat 26 buah bank, tahun 1999 berkurang kepada 17 buah bank dan berkurang

lagi pada tahun 2002 kepada 14 buah bank. Dalam mengukur kecekapan pengkaji telah menggunakan pendekatan '*non-parametric*' seperti analisis penyampulan data (DEA). Dalam DEA pengkaji menggunakan '*directional distance function*' bagi mengukur ketidakcekapan teknikal. Input yang digunakan adalah buruh, modal dan deposit manakala output yang digunakan pula adalah pembiayaan komersil dan pembiayaan pengguna. Dalam mengukur keuntungan bank pula pengkaji telah menggunakan model regrasi. Pembolehubah bersandar yang digunakan dalam model regrasi tersebut adalah keuntungan bank manakala pembolehubah tidak bersandar adalah faedah bersih, kos operasi, aset, ketidakcekapan teknikal, nisbah modal ekuiti dan pembiayaan tak berbayar (PTB). Hasil kajian yang diperoleh mendapati apabila margin faedah bersih lebih besar, kos operasi bagi setiap pekerja atau cawangan lebih rendah, aset bagi setiap pekerja atau cawangan lebih besar, ketidakcekapan teknikal yang kurang, nisbah modal ekuiti lebih tinggi dan PTB yang lebih kecil akan lebih menguntungkan. Hasil kajian bagi DEA mendapati bahawa kecekapan memberi kesan yang kuat kepada keuntungan bank dan menyokong hipotesis struktur kecekapan.

Athanasoglou, Brissimis dan Delis (2008) mengkaji kesan bank-spesifik, industri spesifik dan penentu makroekonomi kepada keuntungan bank Greek menggunakan satu rangka persamaan empirikal memasukkan hipotesis SCP (struktur-conduct-performance). Walaubagaimanapun tiada bukti dijumpai bagi menyokong hipotesis SCP. Menganalisis kesan kitaran perniagaan kepada keuntungan bank dan menggunakan metodologi ekonometrik untuk menganggarkan model data dinamik. Pengkaji menggunakan data daripada sektor perbankan Greek dalam tempoh (1985-2001) dan menggunakan prosedur penganggaran dinamik. Pembolehubah bersandar yang digunakan adalah keuntungan bank manakala pembolehubah tidak bersandar adalah modal, risiko kredit, produktiviti, dan belanja operasi. Pengkaji menggunakan nisbah ekuiti kepada aset (EA) bagi mewakili pembolehubah modal, kekurangan peruntukan pinjaman kepada nisbah pinjaman (PL) bagi mewakili risiko kredit, jumlah hasil kasar benar bagi setiap pekerja mewakili produktiviti dan nisbah belanja operasi kepada jumlah aset mewakili belanja operasi. Hasil kajian menunjukkan hubungan modal dan produktiviti dengan keuntungan bank adalah positif manakala hubungan risiko kredit dan belanja operasi adalah negatif.

## 2.3 Kesimpulan

Berdasarkan kajian lepas yang terkandung dalam lima jurnal tersebut, berkaitan dengan kecekapan dan keberuntungan yang telah dibuat sebelum ini, dapat disimpulkan terdapat dua model yang di gunakan iaitu kaedah penyampulan data atau *data envelopment analysis* (DEA) dan model sempadan kos rawak. Kajian lepas membuktikan kecekapan berhubung positif dengan keuntungan. Kecekapan sangat mempengaruhi keuntungan bank. Selain kecekapan, faktor yang mempengaruhi keuntungan bank adalah modal, aset, kos operasi dan risiko kredit.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI**

#### **3.0 Pendahuluan**

Perbincangan dalam bab ini adalah berkaitan dengan pembentukan model, sumber data, dan analisis data. Pembentukan model dibuat berdasarkan teori ekonomi dan maklumat-maklumat daripada kajian lepas. Dengan pembentukan model sekurang-kurangnya dapat mewakili kesemua faktor-faktor penting yang menerangkan kecekapan dan keuntungan bank. Oleh kerana dalam keadaan ekonomi sebenar terdapat beberapa batasan pengukuran dan kekurangan maklumat, maka andaian *ceteris paribus* adalah penting bagi faktor-faktor yang tidak dimasukkan dalam kajian ini.

#### **3.1 Sumber Data**

Data-data yang digunakan dalam kajian ini adalah data sekunder iaitu dengan menggunakan *cross sectional data* atau data keratan rentas mengikut cawangan. Data sekunder merujuk kepada data yang telah diterbitkan dan digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi mengukuhkan kajian ini. Dalam erti kata yang sebenar data sekunder adalah proses pengumpulan maklumat secara komprehensif mengenai permasalahan kajian. Data sekunder juga merupakan data yang telah sedia wujud. Tujuan data-data sekunder dikumpulkan adalah sebagai sumber sokongan bagi menguatkan lagi kajian yang dibuat. Tahun yang digunakan dalam kajian ini adalah pada tahun 2007. Sebanyak 112 buah cawangan bank digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji kecekapan dan keuntungan bank. Nilai data bagi setiap pembolehubah diperolehi

daripada :

1. Data Bank Rakyat seperti kunci kira-kira dan aliran tunai
2. Laporan akhbar
3. Internet dan intranet Bank Rakyat
4. Buku laporan tahunan Bank Negara Malaysia
5. Buku laporan tahunan Bank Rakyat

### 3.2 Analisis Data

Dalam membincangkan tentang kecekapan dan keuntungan bank, satu analisis perlu dilakukan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kecekapan dan keuntungan bank. Hal ini penting untuk melihat sejauh mana faktor-faktor tersebut mempengaruhi kecekapan dan keuntungan bank. Bagi menganalisis data, dalam kajian ini telah menggunakan dua model iaitu *data envelopment analysis* (DEA) dan model regresi berbilang. Model DEA digunakan untuk mengukur kecekapan dengan menggunakan input dan output bagi memaksimumkan keuntungan. Manakala model regresi berbilang pula digunakan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi keuntungan bank. Bagi model regresi melalui pendekatan ekonometrik, data dianalisis dengan menggunakan perisian E-Views.

#### 3.2.1 Model Data Envelopment Analysis (DEA)

Dalam kajian ini, model DEA digunakan bagi mengukur ketidakcekapan teknikal dengan menggunakan fungsi jarak berarah. Berdasarkan Fare dan Grosskopf (2004), mengandaikan bahawa terdapat  $k = 1, \dots, K$  bank, dimana menggunakan  $\chi^k$  vektor input bagi mengeluarkan  $y^k$  vektor output. Teknologi untuk setiap bank ditulis sebagai  $T = \{(\chi^k, y^k) : \text{input boleh mengeluarkan output}\}$ . Persamaan linear DEA teknologi seperti berikut :

$$\begin{aligned}
T = \{(\chi, y) : \sum_k z_k \chi_{kn} \leq \chi_n, \quad n = 1, \dots, N, \\
\sum_k z_k y_{km} \geq y_m, \quad m = 1, \dots, M, \\
\sum_k z_k = 1, \quad z_k \geq 0 \quad k = 1, \dots, K\}.
\end{aligned} \tag{1}$$

Pembolehubah,  $z_k$ ,  $k = 1, \dots, K$ , menunjukkan bentuk kombinasi linear semua cerapan input dan output bank.  $N+M$  menunjukkan ketaksamaan kekangan, menghadkan teknologi supaya bank tidak mengeluarkan lebih output dengan menggunakan tidak kurang input berdasarkan kombinasi semua cerapan input dan output. Dalam kajian ini mengandaikan buruh, modal dan deposit sebagai pembolehubah input ( $\chi^v$ ). Menyekat input vektor bank  $k$  sebagai  $\chi^k = (\chi^{vk}; e^k)$  dengan  $e$  sebagai modal ekuiti. Fungsi jarak teknologi berarah bagi setiap bank dapat ditunjukkan seperti berikut :


$$\vec{D}_T^k(\chi^{vk}, e^k, y^k; g_\chi, g_e, g_y) = \max \{ \beta : (\chi^k - \beta g_\chi, e^k - \beta g_e, y^k + \beta g_y) \in T \} \tag{2}$$

Dimana pembolehubah input ditetapkan dalam arah  $g_\chi$ , modal ekuiti ditetapkan dalam arah  $g_e$ , dan output berkembang dalam arah  $g_y$ . Untuk  $(\chi^k, e^k, y^k) \in T$  yang merupakan nilai daripada persamaan  $D_T^k(\chi^{vk}, e^k, y^k; g_\chi, g_e, g_y) = 0$  menunjukkan bahawa operasi bank adalah pada sempadan dan cekap dengan arah  $(g_\chi, g_e, g_y)$ . Berdasarkan Rajah 3.1, titik A merupakan nilai bagi  $D_T^k(\chi^{vk}, e^k, y^k; g_\chi, g_e, g_y) > 0$  menunjukkan ketidakcekapan. Diandaikan modal ekuiti ( $e$ ) adalah tetap dan memilih  $g_e = 0$  supaya modal ekuiti tidak berubah pada sempadannya. Untuk DEA teknologi, fungsi jarak teknologi berarah bagi bank  $k$  adalah dianggarkan sebagai :

$$\begin{aligned}
\vec{D}_T^k(\chi^{vk'}, e^{k'}, y^{k'}; g_\chi, g_e, g_y) = \max \beta \text{ subjek kepada :} \\
\sum_k z_k \chi_{kn} \leq \chi_{nk'} - \beta g_n, \quad n = 1, \dots, N-1, \\
\sum_k z_k \chi_{kn} e_{qk} \leq e_{qk'}, \\
\sum_k z_k y_{mk} \geq y_{mk} + \beta g_m \quad m = 1, \dots, M, \\
\sum_k z_k = 1 \quad z_k \geq 0, \quad k = 1, \dots, K.
\end{aligned} \tag{3}$$

Rajah 1 menunjukkan bagaimana teknologi pengeluaran dan ketidakcekan dianggarkan daripada cerapan input dan output dengan contoh bank A-D. Persamaan linear teknologi, T, adalah ditunjukkan oleh garisan HB, BD, DA dan garisan mendatar ke kiri titik A.

Rajah 3.1 : Sempadan Kecekapan



Diberikan vektor berarah  $(g_x, g_e, g_y)$  dimana  $g_e = 0$ , fungsi jarak berarah adalah dianggarkan melalui persamaan (3). Fungsi ini bergantung kepada output dalam arah  $g_y$  dan input dalam arah  $g_x$  dalam mengukur ketidakcekan teknikal. Bank A, B dan D mengeluarkan pada sempadan T iaitu pada tahap yang cekap. Bank C beroperasi diluar daripada sempadan dan menunjukkan ketidakcekan.

Dalam kajian ini mengukur ketidakcekan oleh jarak berarah F dan C dalam Rajah 1. Untuk penganggaran, kajian ini menggunakan dua pembolehubah input iaitu buruh dan deposit serta satu output iaitu pembiayaan. Memilih  $g_y = (1, 1, 1)$  dan  $g_x = (1, 1, 1)$  supaya penganggaran daripada persamaan (3) adalah maksimum dan mencapai

kombinasi output dan input. Ketidakecapan bank mengeluarkan terlalu sedikit output dengan menggunakan terlalu banyak input jika tidak beroperasi pada sempadan. Maka, model ketidakecapan adalah seperti berikut :

$$X - \text{INEFF}_k = \beta_k \left( \sum_m g_{ym} + \sum_n g_{xn} \right) / \text{asset}_k = \beta_k (1+1+1+1+1) / \text{aset}_k \quad (4)$$

### 3.2.2 Model Regrasi Berbilang

Bagi menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi keuntungan Bank Rakyat, model regresi berbilang digunakan dalam kajian ini. Dalam model regresi berbilang, dua pembolehubah tidak bersandar iaitu lebih daripada dua faktor yang mempengaruhi keuntungan telah digunakan. Faktor-faktor tersebut adalah kecekapan, pembolehubah makro seperti inflasi, dan ciri-ciri bank seperti aset, kos operasi dan faedah bersih.

#### 1. Kecekapan

Setelah menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kecekapan bank dengan menggunakan model DEA, baharulah kecekapan bank dianalisis dengan menggunakan model regresi berbilang bagi mengetahui hubungan antara kecekapan dengan keuntungan bank. Dijangka kecekapan berhubung positif dengan keuntungan bank. Semakin cekap dalam pengurusan bank, ini akan meningkatkan keuntungan bank.

#### 2. Inflasi

Berdasarkan kajian lepas hubungan antara jangkaan inflasi dengan keuntungan adalah samar-samar. Dalam kajian ini inflasi diwakili oleh inflasi semasa. Kini kadar inflasi telah mengalami peningkatan. Jika kita bandingkan dengan tahun 2007 kadar inflasi hanya 2.0% berbanding yang dicatatkan sehingga bulan Jun tahun 2008 yang telah mengalami peningkatan secara mendadak sehingga mencapai 7.7%.



### 3. Aset

Aset merupakan faktor yang mempengaruhi kadar keuntungan. Dijangkakan aset berhubung positif dengan kadar keuntungan. Lebih besar aset sesebuah bank maka lebih tinggi keuntungan yang diperoleh.

### 4. Belanja Kendalian

Jumlah kos bank boleh dibahagikan kepada belanja kendalian dan lain-lain perbelanjaan (termasuk cukai dan susut nilai). Di sini hanya menumpukan belanja kendalian berdasarkan kepada hasil pengurusan bank. Dijangka belanja kendalian berhubung negatif dengan keuntungan bank, maka jika berlaku peningkatan dalam pengurusan perbelanjaan ini akan meningkatkan kecekapan dan seterusnya meningkatkan keuntungan bank. Sebaliknya berlaku jika perbelanjaan tidak diurus dengan baik akan mengurangkan kecekapan dan seterusnya akan mengurangkan keuntungan bank.

### 5. Faedah Bersih

Faedah bersih juga merupakan faktor yang mempengaruhi kadar keuntungan. Dijangkakan faedah bersih berhubung positif dengan kadar keuntungan. Semakin besar faedah bersih maka lebih tinggi keuntungan yang diperoleh.

Model regresi berbilang adalah seperti di bawah :

$$Y_i = B_0 + B_1 EFi + B_2 CBi + B_3 PMi + \epsilon_i$$

Pembolehubah

Bersandar :  $Y_i$  = keuntungan bank

Tidak Bersandar :  $B_0$  = pintasan y / konstan

$EF_i$  = kecekapan

$CB_i$  = ciri-ciri bank   $A_i$  = aset

$BO_i$  = belanja kendalian

$FB_i$  = faedah bersih

$PM_i$  = pembolehubah makro   $INF_i$  = inflasi

Error term :  $\epsilon_i$  = Faktor-faktor lain yang mempengaruhi

Pekali Regresi =  $B_1, B_2, B_3$

Daripada model regresi berbilang diatas ini, kita dapat mengetahui bagaimana pembolehubah-pembolehubah bebas ini mempengaruhi jumlah keuntungan Bank . Untuk mengujinya kita akan menjalankan beberapa ujian seperti ujian t-test untuk menguji setiap atau satu-satu pembolehubah tidak bersandar sama ada mempengaruhi atau tidak mempengaruhi pembolehubah bersandar. Dengan ini kita dapat lihat mana satu pembolehubah yang betul-betul mempengaruhi pembolehubah bersandar. Ujian F-test digunakan untuk menguji bagaimana semua pembolehubah tidak bersandar mempengaruhi pembolehubah bersandar secara serentak. Dengan ini kita dapat melihat kesan secara menyeluruh pembolehubah bebas itu dapat mempengaruhi pembolehubah bersandar. Analisis korelasi pula digunakan bertujuan untuk melihat kekuatan hubungan antara pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar. Ini mampu memperlihatkan sama ada pembolehubah bebas itu mempengaruhi pembolehubah bersandar adalah sangat kuat, kuat, lemah ataupun sangat lemah.

### **3.3 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, dalam bab ini telah menerangkan bagaimana kaedah yang digunakan bagi menyelesaikan permasalahan yang dikaji. Secara tidak langsung dapat membantu dalam membuat rangka kerja kajian dengan lebih baik lagi dan supaya kadar kesilapan atau bias dapat dikurangkan. Perbincangan dalam bab seterusnya adalah mengenai keputusan dan hasil kajian yang telah dibuat berdasarkan kaedah yang digunakan dalam bab ini. Melalui kaedah yang digunakan ini, diharap keputusan kajian akan diperolehi dengan tepat.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 Pendahuluan**

Bab ini akan menghuraikan analisis data dan hasil-hasil yang diperoleh daripada kajian yang dijalankan. Keputusan kajian ini adalah berguna untuk melihat andaian yang dijangka sebelum ini adalah benar ataupun sebaliknya. Melalui bantuan perisian DEA dan E-Views, segala data yang diproses akan diuji bagi memberikan keputusan yang dikehendaki. Model DEA digunakan untuk mengukur kecekapan dengan menggunakan input dan output. Selain itu, pengujian dapat ditunjukkan melalui kaedah persamaan iaitu model regresi berbilang yang diuji dengan menggunakan perisian E-Views. Model regresi berbilang digunakan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi keuntungan bank. Segala keputusan ini akan dihuraikan dan diterangkan mengikut pembolehubah-pembolehubah yang dikaji terhadap keuntungan bank.

#### **4.1 Analisis Deskriptif**

Analisis deskriptif merupakan satu kaedah yang digunakan untuk membandingkan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan gambaran secara menyeluruh tentang sesuatu kajian yang dijalankan supaya data yang telah diperolehi dapat digambarkan dengan lebih jelas.

**Jadual 4.1 : Keputusan Analisis Deskriptif Statistik**

|                | Kecekapan | Belanja Kendalian | Faedah Bersih | Aset      | keuntungan |
|----------------|-----------|-------------------|---------------|-----------|------------|
| Mean           | 0.68      | 2119.42           | 13542.12      | 271140.30 | 10824.68   |
| Median         | 0.67      | 2005.00           | 12537.5       | 203359.5  | 9699.50    |
| Maximum        | 1.00      | 4706.00           | 38286.00      | 1601408   | 34630.00   |
| Minimum        | 0.04      | 576.00            | -12.00        | 4733      | -564.00    |
| Std. Dev       | 0.04      | 743.41            | 6752.14       | 227183.30 | 5764.46    |
| Skewness       | -0.14     | 0.86              | 1.07          | 3.66      | 1.05       |
| Kurtosis       | 2.69      | 4.03              | 5.42          | 21.64     | 5.42       |
| Jarque-Bera    | 0.81      | 18.94             | 49.13         | 1874.17   | 48.09      |
| Kebarangkalian | 0.66      | 0.00              | 0.00          | 0.00      | 0.00       |
| Pemerhatian    | 112       | 112               | 112           | 112       | 112        |

Berdasarkan Jadual 4.1, bagi pembolehubah kecekapan minnya adalah sebanyak 68% manakala mediannya adalah sebanyak 67%. Bagi menunjukkan sesuatu operasi itu beroperasi pada tahap yang paling cekap dapat dilihat nilai maksimumnya adalah sebanyak 1 atau 100%. Namun nilai paling minimum adalah 0.04% yang menunjukkan ketidakcekan cawangan bank dalam menjalankan operasinya.

Bagi ciri-ciri bank yang meliputi belanja kendalian, faedah bersih dan aset juga boleh dijelaskan berdasarkan Jadual 4.1. Ciri bank yang pertama adalah belanja kendalian. Min bagi pembolehubah bebas ini adalah sebanyak RM2119.42 ribu, manakala mediannya adalah sebanyak RM2005 ribu. Nilai maksimum yang diperolehi oleh cawangan bank adalah sebanyak RM4706 ribu manakala nilai minimum adalah sebanyak RM576 ribu.

Ciri bank yang kedua adalah faedah bersih. Min bagi pembolehubah bebas ini adalah sebanyak RM13542.12 ribu. manakala mediannya pula adalah sebanyak RM12537.5 ribu. Nilai maksimum faedah bersih yang diperolehi adalah sebanyak RM38286 ribu manakala nilai minimum pula adalah rugi atau berkurang sebanyak RM12 ribu.


Ciri bank yang ketiga adalah aset. Min bagi pembolehubah bebas ini adalah sebanyak RM271140.30 ribu manakala mediannya pula adalah sebanyak RM203359.5 ribu. Nilai maksimum yang diperolehi adalah sebanyak RM1601408 ribu manakala nilai minimum pula adalah sebanyak RM4733 ribu.

Pembolehubah bersandar iaitu keuntungan bank, minnya adalah sebanyak RM10824.68 ribu manakala mediannya pula adalah sebanyak RM9699.50 ribu. Nilai maksimum yang diperolehi adalah sebanyak RM34630 ribu manakala nilai minimum pula adalah rugi sebanyak RM564 ribu.

## 4.2 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kecekapan Bank

### 4.2.1 Analisis terhadap nilai Skor CCR

Dalam mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kecekapan pembolehubah input dan output telah digunakan. Input yang digunakan dalam kajian ini adalah buruh dan deposit manakala output yang digunakan pula adalah pembiayaan. Input dan output tersebut telah diukur dengan menggunakan perisian DEA. Hasilnya dapat ditunjukkan seperti Rajah 4.1 di bawah :



**Jadual 4.2 : Keputusan Analisis Kecekapan**

| Caw. <sup>2</sup> | Skor | Caw. | Skor | Caw. | Skor | Caw. | Skor | Caw. | Skor |
|-------------------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| 1                 | 0.91 | 24   | 0.73 | 47   | 0.69 | 70   | 0.51 | 93   | 0.62 |
| 2                 | 0.85 | 25   | 0.75 | 48   | 0.54 | 71   | 0.68 | 94   | 1    |
| 3                 | 0.91 | 26   | 0.8  | 49   | 0.88 | 72   | 0.46 | 95   | 0.23 |
| 4                 | 0.7  | 27   | 0.56 | 50   | 0.78 | 73   | 0.52 | 96   | 0.69 |
| 5                 | 0.6  | 28   | 0.87 | 51   | 0.61 | 74   | 0.45 | 97   | 0.53 |
| 6                 | 0.79 | 29   | 0.71 | 52   | 0.64 | 75   | 0.51 | 98   | 0.57 |
| 7                 | 0.48 | 30   | 0.66 | 53   | 0.6  | 76   | 0.51 | 99   | 0.84 |
| 8                 | 0.84 | 31   | 0.67 | 54   | 0.72 | 77   | 0.68 | 100  | 0.67 |
| 9                 | 0.86 | 32   | 0.95 | 55   | 0.69 | 78   | 0.60 | 101  | 0.86 |
| 10                | 0.91 | 33   | 1    | 56   | 0.63 | 79   | 0.04 | 102  | 0.66 |
| 11                | 0.71 | 34   | 1    | 57   | 0.52 | 80   | 0.45 | 103  | 0.44 |
| 12                | 0.73 | 35   | 1    | 58   | 0.6  | 81   | 0.64 | 104  | 1    |
| 13                | 1    | 36   | 0.61 | 59   | 0.46 | 82   | 0.45 | 105  | 0.96 |
| 14                | 0.81 | 37   | 0.8  | 60   | 0.4  | 83   | 0.52 | 106  | 0.9  |
| 15                | 1    | 38   | 0.76 | 61   | 0.54 | 84   | 0.49 | 107  | 1    |
| 16                | 0.78 | 39   | 0.86 | 62   | 0.63 | 85   | 0.44 | 108  | 0.9  |
| 17                | 0.61 | 40   | 0.68 | 63   | 0.46 | 86   | 0.61 | 109  | 1    |
| 18                | 0.65 | 41   | 0.73 | 64   | 0.4  | 87   | 0.37 | 110  | 1    |
| 19                | 0.66 | 42   | 0.78 | 65   | 0.46 | 88   | 0.4  | 111  | 1    |
| 20                | 0.81 | 43   | 0.87 | 66   | 0.57 | 89   | 0.49 | 112  | 0.42 |
| 21                | 0.97 | 44   | 0.84 | 67   | 0.38 | 90   | 1    |      |      |
| 22                | 0.76 | 45   | 0.77 | 68   | 0.44 | 91   | 0.46 |      |      |
| 23                | 0.64 | 46   | 0.66 | 69   | 0.46 | 92   | 0.45 |      |      |

Nilai kecekapan dapat ditunjukkan apabila bersamaan dengan 1 atau 100%. Berdasarkan Rajah dan Jadual 4.1, kajian mendapati sebanyak 11 buah cawangan Bank Rakyat telah beroperasi dengan cekap. Cawangan tersebut ialah Gurun, Jawi, Tanjung Malim, Setapak, Putrajaya, Pasir Mas, Bandar Muadzam, Kota Kinabalu, dan Kota Kelud. Cawangan lain belum beroperasi pada tahap kecekapan. Namun begitu dapat dilihat, banyak cawangan bank yang beroperasi menghampiri tahap kecekapan. Maka secara keseluruhannya Bank Rakyat belum beroperasi pada tahap yang cekap kerana hanya terdapat sebahagian kecil sahaja yang beroperasi dengan cekap .

<sup>2</sup> **Cawangan-cawangan Bank Rakyat :**

1)Kangar, 2)A. Setar, 3)S. Petani, 4)Baling, 5)Jitra, 6)B. Worth, 7)Langkawi, 8)Mergong, 9)Georgetown, 10)Kulim, 11)B. Mertajam, 12)B. Baru, 13)Gurun, 14)Jelutong, 15)Jawi, 16)B. Serai, 17)Jln Ipoh, 18)T. Intan, 19)Utama, 20)Gopeng, 21)Taiping, 22)B. T. Razak, 23)Sitiawan, 24)Angkasa Raya, 25)Bangsar, 26)Jelapang, 27)D. Pandan, 28)Selayang, 29)Tapah, 30)Jln Pudu, 31)K. Kangsar, 32)Greentown, 33)Tanjung Malim, 34)Setapak, 35)Putrajaya, 36)Kepong, 37)Sri Iskandar, 38)S. Besar, 39)Kajang, 40)Banting, 41)Klang, 42)Subang Perdana, 43)Melawati, 44)P. Jaya, 45)K. Jaya, 46)D. Sara, 47)Sungai Buluh, 48)Ampang, 49)S. Alam, 50)USJ, 51)Puchong, 52)Port Klang, 53)PJ OLD TOWN, 54)Bandar Baru Bangi, 55)K. Selangor, 56)SRPG Raya, 57)Rawang, 58)Melaka, 59)Muar, 60)Pontian, 61)J. Bahru, 62)Seremban, 63)B. Pahat, 64)Bahau, 65)K. Tinggi, 66)Segamat, 67)M. Tanah, 68)L. Perdana, 69)Kluang, 70)Lukut, 71)Skudai, 72)Tampin, 73)Masai, 74)Mersing, 75)Jasin, 76)Yong Peng, 77)Kulai Jaya, 78)Nilai, 79)Senawang, 80)Temerloh, 81)K. Terengganu, 82)K. Bahru, 83)Kuantan, 84)Machang, 85)Jengka, 86)Kemaman, 87)Raub, 88)Jertih, 89)Jerantut, 90)Pasir Mas, 91)Dungun, 92)Pekan, 93)Kubang Kerian, 94)Bdr Muadzam, 95)Gua Musang, 96)Kuching, 97)Miri, 98)Bintulu, 99)Pending, 100)Sibu, 101)Sri Aman, 102)Sarikei, 103)Kota Samarahan, 104)K. Kinabalu, 105)Tawau, 106)Sandakan, 107)Likas, 108)Labuan, 109)Keningau, 110)Lahad Datu, 111)Kota Kelud, 112)Penampang.

## 4.2.2 Analisis terhadap *Projection* (Unjuran)

Nilai *projection* telah diperolehi daripada penggunaan perisian DEA. Nilai-nilai ini akan diterangkan mengikut hasil CCR-I , hasil CCR-O, hasil BCC-I dan juga hasil BCC-O. Bagi setiap hasil ini, akan diterangkan mengikut cawangan sama ada cawangan perlu menambahkan atau mengurangkan input mahupun output. Cawangan-cawangan ini akan diterangkan mengikut wilayah.

### 4.2.2.1 Hasil CCR-I

Dengan menggunakan hasil CCR-I daripada perisian DEA di dapati cawangan perlu mengurangkan penggunaan dalam input untuk mencapai kecekapan, bagi wilayah utara untuk mencapai kecekapan, cawangan Kangar perlu mengurangkan penggunaan input sebanyak 8.82%, cawangan Alor Setar sebanyak 15.12%, cawangan Sungai Petani sebanyak 9.11%, dan cawangan Baling sebanyak 30.21%, cawangan Jitra pula sebanyak 39.68%, cawangan Butterworth sebanyak 20.69%, cawangan Langkawi sebanyak 51.64%, cawangan Mergong 16.24%, cawangan Georgetorwn 13.59%, cawangan Kulim input sebanyak 8.56%, cawangan Bukit Mertajam sebanyak 28.69%, cawangan Bandar Baru sebanyak 27%, cawangan Gurun tidak perlu manambahkan atau mengurangkan input, cawangan Jelutong perlu mengurangkan penggunaan input sebanyak 19.12% dan cawangan Jawi tidak perlu mengubah input.

Cawangan-cawangan yang termasuk dalam wilayah tengah pula, bagi mencapai kecekapan adalah Bagan Serai perlu mengurangkan penggunaan input sebanyak 22.19%, Jalan Ipoh perlu mengurangkan input buruh 39.41% dan input deposit 47.19%, Teluk Intan perlu mangurangkan input sebanyak 35.13%, Utama perlu mengurangkan input buruh 33.70% dan deposit 42.33%, Gopeng perlu mengurangkan input 18.91%, Taiping sebanyak 3.43%, Bandar Tun Razak 24.26%, Sitiawan 35.68%, Angkasa Raya 27.20%, Bangsar 24.63%, Jelapang 20.35%, Pandan 43.99%, Selayang 13.09%, Tapah 28.09%, Jalan Pudu 34.27%, Kuala Kangsar sebanyak 33.01%, Greentown perlu mengurangkan input 4.69%, Tanjung Malim tetap, Setapak tetap, Kepong 38.67% dan Sri Iskandar perlu mengurangkan input 20.46%,

**Jadual 4.3 : Keputusan Analisis CCR-I**

| Caw. | %                | Caw. | %      | Caw. | %                | Caw. | %                | Caw. | %                |
|------|------------------|------|--------|------|------------------|------|------------------|------|------------------|
| 1    | -8.82            | 24   | -27.20 | 47   | -31.42           | 70   | -49.33<br>-88.61 | 93   | -38.05           |
| 2    | -15.12           | 25   | -24.63 | 48   | -46.12           | 71   | -31.90<br>-77.04 | 94   | 0                |
| 3    | -9.11            | 26   | -20.35 | 49   | -11.88           | 72   | -53.54<br>-76.83 | 95   | -76.96<br>-79.55 |
| 4    | -30.11           | 27   | -43.99 | 50   | -22.48           | 73   | -47.79<br>-67.46 | 96   | -31.49<br>-92.72 |
| 5    | -39.68           | 28   | -13.09 | 51   | -38.55<br>-93.13 | 74   | -54.53<br>-81.53 | 97   | -47.45<br>-81.12 |
| 6    | -20.69           | 29   | -28.09 | 52   | -35.92<br>-92.65 | 75   | -49.24<br>-81.61 | 98   | -42.82<br>-94.96 |
| 7    | -51.64           | 30   | -34.27 | 53   | -39.97<br>-92.77 | 76   | -49.21<br>-69.92 | 99   | -16.10<br>-84.33 |
| 8    | -16.24           | 31   | -33.01 | 54   | -28.26<br>-93.90 | 77   | -32.28<br>-70.56 | 100  | -32.69<br>-84.28 |
| 9    | -13.59           | 32   | -4.69  | 55   | -30.69<br>-78.37 | 78   | -40.30<br>-85.43 | 101  | -13.54           |
| 10   | -8.56            | 33   | 0      | 56   | -37.38<br>-93.01 | 79   | -95.91           | 102  | -33.97           |
| 11   | -28.69           | 34   | 0      | 57   | -47.71<br>-93.37 | 80   | -55.19<br>-70.92 | 103  | -74.20<br>-56.43 |
| 12   | -27              | 35   | 0      | 58   | -40.32<br>-73.55 | 81   | -36.28<br>-77.87 | 104  | 0                |
| 13   | 0                | 36   | -38.67 | 59   | -54.43<br>-80.69 | 82   | -55.21<br>-70.99 | 105  | -8.02<br>-3.58   |
| 14   | -19.12           | 37   | -20.46 | 60   | -60.11<br>-83.20 | 83   | -47.61<br>-77.86 | 106  | -9.50            |
| 15   | 0                | 38   | -24.45 | 61   | -45.55<br>-88.50 | 84   | -51.37<br>-64.25 | 107  | 0                |
| 16   | -22.19           | 39   | -14.42 | 62   | -36.86<br>-87.43 | 85   | -56.50<br>-63.69 | 108  | -9.86            |
| 17   | -39.41<br>-47.19 | 40   | -31.67 | 63   | -54.06<br>-69.81 | 86   | -39.12<br>-69.70 | 109  | 0                |
| 18   | -35.13           | 41   | -27.23 | 64   | -59.59<br>-60.73 | 87   | -62.90<br>-64.62 | 110  | -7.82            |
| 19   | -33.70<br>-42.33 | 42   | -22.17 | 65   | -54.25<br>-73.71 | 88   | -59.98<br>-76.56 | 111  | 0                |
| 20   | -18.91           | 43   | -13.49 | 66   | -43.03<br>-65.35 | 89   | -51.06<br>-56.58 | 112  | -72.16<br>-57.68 |
| 21   | -3.43            | 44   | -16.24 | 67   | -61.51<br>-82.80 | 90   | 0                |      |                  |
| 22   | -24.26           | 45   | -22.52 | 68   | -56.22<br>-83.88 | 91   | -54.26<br>-65.85 |      |                  |
| 23   | -35.68           | 46   | -33.69 | 69   | -54.40<br>-65.84 | 92   | -55.07           |      |                  |



Wilayah Selangor pula, cawangan Sungai Besar perlu mengurangkan penggunaan input 24.45%, Kajang 14.42%, Banting 31.67%, Klang 27.23%, Subang 22.17%, Melawati 13.49%, Petaling Jaya 16.24%, Kelana Jaya 22.52%, Daman Sara 33.69%, Sungai Buluh 31.42%, Ampang 46.12%, Shah Alam 11.88%, USJ 22.48%, Puchong perlu mengurangkan penggunaan input buruh 38.55% dan input deposit 93.13%, Port Klang perlu mengurangkan input buruh 35.92% dan input deposit 92.65%, PJ OLD TOWN perlu mengurangkan input buruh 39.97% dan input deposit 92.77%, Bandar Baru Bangi perlu mengurangkan input buruh 28.26% dan input deposit 93.90%, Kuala Selangor perlu mengurangkan penggunaan input buruh 30.69% dan input deposit 78.37%, SRPG Raya perlu mengurangkan penggunaan input buruh 37.38% dan input deposit 93.01% serta Rawang perlu mengurangkan penggunaan input buruh 47.71% dan input deposit 93.37%.

Sementara itu Wilayah Selatan bagi mencapai kecekapan yang meliputi Melaka perlu mengurangkan penggunaan input buruh 40.32% dan input deposit 73.55%, Muar perlu mengurangkan penggunaan input buruh sebanyak 54.43% dan input deposit 80.69%, Pontian perlu mengurangkan penggunaan input buruh 60.11% dan input deposit 83.20%, Johor Bahru perlu mengurangkan penggunaan input buruh 45.55% dan input deposit 88.50%, Seremban perlu mengurangkan penggunaan input buruh 36.86% dan input deposit 87.43%, Batu Pahat perlu mengurangkan input buruh 54.06% dan input deposit 69.81%, Bahau perlu mengurangkan penggunaan input buruh 59.59% dan input deposit 60.73%, Kota Tinggi perlu mengurangkan input buruh 54.25% dan input deposit 73.71%, Segamat perlu mengurangkan input buruh 43.03% dan input deposit 65.35%, M. Tanah perlu mengurangkan input buruh 61.51% dan input deposit 82.80%, L. Perdana perlu mengurangkan input buruh 56.22% dan input deposit 83.88%, Kluang perlu mengurangkan input buruh 54.40% dan input deposit 65.84%, Lukut perlu mengurangkan penggunaan input buruh 49.33% dan input deposit 88.61%, Skudai perlu mengurangkan penggunaan input buruh 31.90% dan input deposit 77.04%, Tampin perlu mengurangkan penggunaan input buruh 53.54% dan input deposit 76.83%, Masai perlu mengurangkan input buruh 47.79% dan input deposit 67.46%, Mersing perlu mengurangkan penggunaan input buruh 54.53% dan input deposit 81.53%, Jasin perlu

mengurangkan input buruh 49.24% dan input deposit 81.61%, Yong Peng perlu mengurangkan penggunaan input buruh 49.21% dan input deposit 69.92%, Kulai Jaya perlu mengurangkan penggunaan input buruh 32.28% dan input deposit 70.56%, Nilai perlu mengurangkan input buruh 40.30% dan input deposit 85.43% dan Senawang perlu mengurangkan penggunaan input sebanyak 95.91% .

Wilayah Timur. Temerloh perlu mengurangkan penggunaan input buruh 55.19% dan input deposit 70.92%, Kuala Terengganu perlu mengurangkan penggunaan input buruh 36.28% dan input deposit 77.87%, Kota Bahru perlu mengurangkan penggunaan input buruh 55.21% dan input deposit 70.99%, Kuantan perlu mengurangkan penggunaan input buruh 47.61% dan input deposit 77.86%, Machang perlu mengurangkan penggunaan input buruh 51.37% dan input deposit 64.25%, Jengka perlu mengurangkan penggunaan input buruh 56.50% dan input deposit 63.69%, Kemaman perlu mengurangkan penggunaan input buruh 39.12% dan input deposit 69.70%, Raub perlu mengurangkan penggunaan input buruh 62.90% dan input deposit 64.62%, Jertih perlu mengurangkan penggunaan input buruh 59.98% dan input deposit 76.56%, Jerantut perlu mengurangkan penggunaan input buruh 51.06% dan input deposit 56.58%, Pasir Mas tetap, Dungun perlu mengurangkan penggunaan dalam input buruh sebanyak 54.26% dan input deposit 65.85%, Pekan perlu mengurangkan input 55.07%, Kubang Kerian perlu mengurangkan input 38.05%, Bandar Muazzam tetap, Gua Musang perlu mengurangkan penggunaan dalam input buruh sebanyak 76.96% dan input deposit sebanyak 79.55%.

Wilayah Sarawak. Kuching perlu mengurangkan penggunaan dalam input buruh sebanyak 31.49% dan input deposit 92.72%, Miri perlu mengurangkan input buruh 47.45% dan input deposit 81.12%, Bintulu perlu mengurangkan input 42.82%, Pending perlu mengurangkan input buruh 16.10% dan input deposit 84.33%, Sibu perlu mengurangkan input buruh 32.69% dan input deposit 84.28%, Sri Aman perlu mengurangkan input 13.54%, Sarikei perlu mengurangkan input 33.97%, Kota Samarahan perlu mengurangkan penggunaan dalam input buruh 74.20% dan input deposit 56.43%.

Wilayah Sabah. Kota Kinabalu tetap, Tawau perlu mengurangkan input buruh 8.02% dan input deposit 3.58%, Sandakan perlu mengurangkan input 9.50%, Likas tetap, Labuan perlu mengurangkan input 9.86%, Keningau tetap, Lahad Datu perlu mengurangkan input 7.82%, Kota Kelud tetap, Penampang perlu mengurangkan input buruh 72.16 dan input deposit 57.68%.

#### 4.2.2.2 Hasil CCR-O

**Jadual 4.4: Keputusan Analisis CCR-O**

| Caw. | %      | Caw. | %     | Caw. | %      | Caw. | %      | Caw. | %      |
|------|--------|------|-------|------|--------|------|--------|------|--------|
| 1    | 9.68   | 24   | 37.36 | 47   | 45.81  | 70   | 97.34  | 93   | 61.41  |
| 2    | 17.82  | 25   | 32.38 | 48   | 85.60  | 71   | 46.84  | 94   | 0      |
| 3    | 10.02  | 26   | 25.55 | 49   | 13.48  | 72   | 115.24 | 95   | 33.98  |
| 4    | 43.28  | 27   | 78.53 | 50   | 29     | 73   | 91.55  | 96   | 45.97  |
| 5    | 65.78  | 28   | 15.07 | 51   | 62.74  | 74   | 119.90 | 97   | 90.29  |
| 6    | 26.09  | 29   | 39.99 | 52   | 56.06  | 75   | 97     | 98   | 74.88  |
| 7    | 106.78 | 30   | 52.14 | 53   | 66.59  | 76   | 96.90  | 99   | 19.19  |
| 8    | 19.39  | 31   | 49.27 | 54   | 39.39  | 77   | 47.66  | 100  | 48.57  |
| 9    | 15.73  | 32   | 4.92  | 55   | 44.28  | 78   | 67.51  | 101  | 15.66  |
| 10   | 9.36   | 33   | 0     | 56   | 59.70  | 79   | 50.90  | 102  | 51.44  |
| 11   | 40.23  | 34   | 0     | 57   | 91.24  | 80   | 123.14 | 103  | 29.49  |
| 12   | 36.99  | 35   | 0     | 58   | 67.56  | 81   | 56.94  | 104  | 0      |
| 13   | 0      | 36   | 63.04 | 59   | 119.44 | 82   | 123.25 | 105  | 3.71   |
| 14   | 23.65  | 37   | 25.73 | 60   | 150.68 | 83   | 90.89  | 106  | 10.50  |
| 15   | 0      | 38   | 32.36 | 61   | 83.65  | 84   | 105.65 | 107  | 0      |
| 16   | 28.51  | 39   | 16.85 | 62   | 58.65  | 85   | 129.88 | 108  | 10.94  |
| 17   | 65.05  | 40   | 46.35 | 63   | 117.70 | 86   | 64.26  | 109  | 0      |
| 18   | 54.16  | 41   | 37.42 | 64   | 147.46 | 87   | 69.55  | 110  | 0.02   |
| 19   | 50.83  | 42   | 28.48 | 65   | 118.56 | 88   | 49.87  | 111  | 0      |
| 20   | 23.32  | 43   | 15.59 | 66   | 75.54  | 89   | 104.33 | 112  | 136.30 |
| 21   | 3.56   | 44   | 19.38 | 67   | 159.81 | 90   | 0      |      |        |
| 22   | 32.03  | 45   | 29.06 | 68   | 128.44 | 91   | 53.64  |      |        |
| 23   | 55.48  | 46   | 50.80 | 69   | 119.28 | 92   | 40.56  |      |        |

Dengan menggunakan hasil CCR-O daripada perisian DEA pula, bagi mencapai kecekapan, cawangan Kangar perlu menambahkan output sebanyak 9.68%, cawangan Alor Setar perlu menambahkan output sebanyak 17.82%, cawangan Sungai Petani perlu menambahkan output sebanyak 10.02%, dan cawangan Baling perlu meningkatkan output sebanyak 43.28%. Manakala untuk cawangan Jitra pula perlu menambahkan output sebanyak 65.78%. Cawangan Butterworth sebanyak 26.09%, cawangan Langkawi sebanyak 106.78%, cawangan Mergong 19.39%, cawangan Georgetorwn 15.73%, cawangan Kulim output sebanyak 9.36%, cawangan Bukit Mertajam sebanyak 40.23%,

cawangan Bandar Baru sebanyak 36.99%, cawangan Gurun tidak perlu menambahkan atau mengurangkan output, cawangan Jelutong perlu menambahkan output sebanyak 23.65% dan cawangan Jawi tidak perlu mengubah output.

Cawangan-cawangan yang termasuk dalam wilayah tengah pula, bagi mencapai kecekapan adalah Bagan Serai perlu menambahkan pengeluaran output sebanyak 28.51%, Jalan Ipoh perlu menambahkan output 65.05%, Teluk Intan perlu menambahkan output sebanyak 54.16%, Utama perlu menambahkan output sebanyak 50.83%, Gopeng perlu menambahkan output 23.32%, Taiping sebanyak 3.56%, Bandar Tun Razak 32.03%, Sitiawan 55.48%, Angkasa Raya 37.36%, Bangsar 32.38%, Jelapang 25.55%, Pandan 78.53%, Selayang 15.07%, Tapah 39.99%, Jalan Pudu 52.14%, Kuala Kangsar sebanyak 49.27%, Greentown perlu menambahkan output 4.92%, Tanjung Malim tetap, Setapak tetap, Kepong perlu tambah output sebanyak 63.04% dan Sri Iskandar perlu menambahkan output sebanyak 25.73%.

Wilayah Selangor pula, cawangan Sungai Besar perlu menambahkan output sebanyak 32.36%, Kajang 16.85%, Banting 46.35%, Klang 37.42%, Subang 28.48%, Melawati 15.59%, Petaling Jaya 19.38%, Kelana Jaya 29.06%, Daman Sara 50.80%, Sungai Buluh 45.81%, Ampang 85.60%, Shah Alam 13.48%, USJ 29%, Puchong perlu menambahkan output sebanyak 62.74%, Port Klang 56.06%, PJ OLD TOWN perlu menambahkan output sebanyak 66.59%, Bandar Baru Bangi perlu menambahkan output sebanyak 39.99%, Kuala Selangor perlu menambahkan output sebanyak 44.28%, SRPG Raya 59.70% dan Rawang perlu menambahkan output sebanyak 70.54%.

### 4.2.2.3 Hasil BCC-I

**Jadual 4.5: Keputusan Analisis BCC-I**

| Caw. | %               | Caw. | %             | Caw. | %                | Caw. | %                | Caw. | %               |
|------|-----------------|------|---------------|------|------------------|------|------------------|------|-----------------|
| 1    | -5.95           | 24   | -25.98<br>-27 | 47   | -27.15           | 70   | -33.10           | 93   | -3.56           |
| 2    | 0               | 25   | -23.69        | 48   | -37.64           | 71   | -32.95<br>-70.10 | 94   | 0               |
| 3    | 0               | 26   | -17.39        | 49   | 0                | 72   | -22.69<br>-61.44 | 95   | -1.55<br>-17.22 |
| 4    | -22.34          | 27   | -41.35        | 50   | 0                | 73   | -21.56           | 96   | -2.59           |
| 5    | -35.69          | 28   | -7.66         | 51   | -21.80           | 74   | -28.67           | 97   | -29.98          |
| 6    | -15.85          | 29   | -23.90        | 52   | -29.84<br>-88.23 | 75   | -20.23<br>-37.88 | 98   | -27.25          |
| 7    | -41.45          | 30   | -26.70        | 53   | -23.20<br>-85.32 | 76   | -9.97            | 99   | -9.48           |
| 8    | -9.37           | 31   | -21.14        | 54   | -27.44<br>-85.19 | 77   | 0                | 100  | -11.52          |
| 9    | -8.15           | 32   | -4.25         | 55   | -14.34<br>-87.96 | 78   | -2.78<br>-50.00  | 101  | -10.77          |
| 10   | -22.22<br>-5.21 | 33   | 0             | 56   | -3.36<br>-35.48  | 79   | 0                | 102  | -18.64          |
| 11   | -28.63          | 34   | 0             | 57   | -14.28<br>-80.04 | 80   | -44.01           | 103  | 0               |
| 12   | -26.33          | 35   | 0             | 58   | -15.55<br>-77.28 | 81   | 0                | 104  | 0               |
| 13   | 0               | 36   | 0             | 59   | -16.78           | 82   | -43.67<br>-42.06 | 105  | 0               |
| 14   | -8.97           | 37   | 0             | 60   | -45.26<br>-61.16 | 83   | 0                | 106  | -5.02           |
| 15   | 0               | 38   | -22.24        | 61   | -43.95<br>-48.99 | 84   | -45.07           | 107  | 0               |
| 16   | -20.79          | 39   | -4.15         | 62   | -44.26<br>-87.13 | 85   | -42.28           | 108  | -8.10           |
| 17   | -15.53<br>28.51 | 40   | -29.54        | 63   | -31.98<br>-81.42 | 86   | -38.95<br>-69.28 | 109  | 0               |
| 18   | -33.65          | 41   | -18.66        | 64   | -44.64           | 87   | -41.94           | 110  | 0               |
| 19   | 0               | 42   | -20.85        | 65   | -43.28           | 88   | -46.80           | 111  | 0               |
| 20   | -11.80          | 43   | -7.56         | 66   | -50.08<br>-61.67 | 89   | -30.69           | 112  | 0               |
| 21   | 0               | 44   | -14.41        | 67   | -21.41           | 90   | 0                |      |                 |
| 22   | -19.83          | 45   | -20.76        | 68   | -44.77           | 91   | -25.62           |      |                 |
| 23   | -33.06          | 46   | -32.14        | 69   | -49.02<br>-70.53 | 92   | -18.13           |      |                 |

Dengan menggunakan hasil BCC-I daripada perisian DEA untuk mencapai kecekapan cawangan bank perlu mengurangkan penggunaan dalam input, bagi wilayah utara untuk mencapai kecekapan, cawangan Kangar perlu mengurangkan input sebanyak 5.95%, cawangan Alor Setar tetap, cawangan Sungai Petani tetap, dan cawangan Baling perlu mengurangkan penggunaan input sebanyak 22.34%. Bagi cawangan Jitra pula perlu mengurangkan penggunaan input sebanyak 35.69%, cawangan Butterworth perlu mengurangkan penggunaan dalam input sebanyak 15.85%, cawangan Langkawi sebanyak 41.45%, cawangan Mergong sebanyak 9.37%, cawangan Georgetown 8.15%, cawangan Kulim perlu mengurangkan input buruh 22.22% dan mengurangkan input deposit sebanyak 5.21%, cawangan Bukit Mertajam perlu mengurangkan input sebanyak 28.63%, cawangan Bandar Baru perlu mengurangkan input sebanyak 26.33%, cawangan Gurun tidak perlu manambah atau mengurangkan input, cawangan Jelutong perlu mengurangkan input sebanyak 8.97% dan cawangan Jawi tidak perlu mengubah input.

Cawangan-cawangan yang termasuk dalam wilayah tengah pula, bagi mencapai kecekapan adalah Bagan Serai perlu mengurangkan penggunaan dalam input sebanyak 20.79%, Jalan Ipoh perlu mengurangkan penggunaan input buruh 15.53% dan input deposit 28.51%, Teluk Intan perlu mengurangkan penggunaan input sebanyak 33.65%, Utama tetap, Gopeng perlu mengurangkan penggunaan input sebanyak 11.80%, Taiping tetap, Bandar Tun Razak perlu mengurangkan penggunaan input sebanyak 19.83%, Sitiawan perlu mengurangkan penggunaan input 33.06%, Angkasa Raya perlu mengurangkan penggunaan input buruh sebanyak 25.98% dan input deposit 27%, Bangsar perlu mengurangkan input sebanyak 23.69%, Jelapang perlu mengurangkan input 17.39%, Pandan perlu mengurangkan input 41.35%, Selayang perlu mengurangkan input 7.66%, Tapah perlu mengurangkan input 23.90%, Jalan Pudu perlu mengurangkan penggunaan input 26.70%, Kuala Kangsar perlu mengurangkan penggunaan input sebanyak 21.14%, Greentown perlu mengurangkan penggunaan input 4.25%, Tanjung Malim tetap, Setapak tetap, Putrajaya tetap, Kepong tetap dan Sri Iskandar tetap tidak perlu mengubah input

Wilayah Sarawak. Kuching perlu mengurangkan input buruh 2.59% , Miri perlu mengurangkan input 29.98%, Bintulu perlu mengurangkan input 27.25%, Peding mengurangkan input 9.48%, Sibu perlu mengurangkan input 11.52%, Sri Aman perlu mengurangkan input 10.77%, Sarikei perlu mengurangkan input buruh 18.64%, Kota Samarahan tetap.

Wilayah Sabah. Kota Kinabalu tetap, Tawau tetap, Sandakan perlu mengurangkan input 5.02%, Likas tetap, Labuan perlu mengurangkan input 8.10%, Keningau tetap, Kota Kelud tetap, Penampang tetap tidak perlu mengubah input.

#### 4.2.2.4 Hasil BCC-O

**Jadual 4.6: Keputusan Analisis BCC-O**

| Caw. | %      | Caw. | %     | Caw. | %      | Caw. | %      | Caw. | %     |
|------|--------|------|-------|------|--------|------|--------|------|-------|
| 1    | 6.05   | 24   | 29.65 | 47   | 41.14  | 70   | 83.71  | 93   | 10.22 |
| 2    | 0      | 25   | 24.99 | 48   | 77.76  | 71   | 36.69  | 94   | 10.56 |
| 3    | 0      | 26   | 18.41 | 49   | 0      | 72   | 87.02  | 95   | 0     |
| 4    | 42.89  | 27   | 65.36 | 50   | 23.68  | 73   | 84.60  | 96   | 0     |
| 5    | 62.70  | 28   | 6.58  | 51   | 42.21  | 74   | 48.93  | 97   | 1.04  |
| 6    | 16.84  | 29   | 35.51 | 52   | 50.39  | 75   | 71.17  | 98   | 83.38 |
| 7    | 102.77 | 30   | 48.15 | 53   | 55.07  | 76   | 40.88  | 99   | 68.53 |
| 8    | 9.28   | 31   | 46.60 | 54   | 33.97  | 77   | 0      | 100  | 19.19 |
| 9    | 7.98   | 32   | 3.79  | 55   | 8.25   | 78   | 13.44  | 101  | 29.09 |
| 10   | 3.33   | 33   | 0     | 56   | 38.76  | 79   | 0.13   | 102  | 13.86 |
| 11   | 37.24  | 34   | 0     | 57   | 55.58  | 80   | 70.56  | 103  | 49.06 |
| 12   | 30.35  | 35   | 0     | 58   | 5.80   | 81   | 0      | 104  | 0     |
| 13   | 0      | 36   | 0     | 59   | 68.26  | 82   | 10.50  | 105  | 0     |
| 14   | 23.57  | 37   | 0     | 60   | 112.78 | 83   | 0      | 106  | 0     |
| 15   | 0      | 38   | 28.14 | 61   | 27.11  | 84   | 41.07  | 107  | 4.46  |
| 16   | 26.90  | 39   | 2.69  | 62   | 13.90  | 85   | 75.77  | 108  | 0     |
| 17   | 9.37   | 40   | 35.90 | 63   | 61.02  | 86   | 16.13  | 109  | 9.71  |
| 18   | 43.69  | 41   | 10.46 | 64   | 86.19  | 87   | 118.41 | 110  | 0     |
| 19   | 0      | 42   | 21.29 | 65   | 40.85  | 88   | 93.38  | 111  | 0     |
| 20   | 10.53  | 43   | 6.53  | 66   | 68.73  | 89   | 88.16  | 112  | 0     |
| 21   | 0      | 44   | 13.54 | 67   | 120.54 | 90   | 0      |      |       |
| 22   | 19.60  | 45   | 20.86 | 68   | 64.27  | 91   | 110.15 |      |       |
| 23   | 47.97  | 46   | 42.62 | 69   | 103.99 | 92   | 80.22  |      |       |

Dengan menggunakan hasil BCC-O daripada perisian DEA pula, bagi mencapai kecekapan, cawangan Kangar perlu menambahkan output pembiayaan sebanyak 6.05%, cawangan Alor Setar tetap tidak perlu mengubah output, cawangan Sungai Petani juga tetap, dan cawangan Baling perlu meningkatkan output sebanyak 42.89%. Manakala untuk cawangan Jitra pula perlu menambahkan output sebanyak 62.70%. Cawangan Butterworth sebanyak 16.84%, cawangan Langkawi sebanyak 50.77%, cawangan Mergong 9.28%, cawangan Georgetorwn 7.98%, cawangan Kulim perlu menambahkan output sebanyak 3.33%, cawangan Bukit Mertajam sebanyak 37.24%, cawangan Bandar Baru sebanyak 30.35%, cawangan Gurun tidak perlu menambahkan atau mengurangkan output, cawangan Jelutong perlu menambahkan output sebanyak 23.57% dan cawangan Jawi tidak perlu mengubah output.

Cawangan-cawangan yang termasuk dalam wilayah tengah pula, bagi mencapai kecekapan adalah Bagan Serai perlu menambahkan pengeluaran output sebanyak 26.90%, Jalan Ipoh perlu menambahkan output 9.37%, Teluk Intan perlu menambahkan output sebanyak 43.69%, Utama tidak perlu mengubah output, Gopeng perlu menambahkan output sebanyak 10.53%, Taiping tetap tidak perlu mengubah pengeluaran output, Bandar Tun Razak 19.60%, Sitiawan 47.97%, Angkasa Raya 29.65%, Bangsar 24.99%, Jelapang 18.41%, Pandan 65.36%, Selayang 6.58%, Tapah 35.51%, Jalan Pudu 35.51%, Kuala Kangsar sebanyak 46.60%, Greentown perlu menambahkan output sebanyak 3.79%, Tanjung Malim tetap, Setapak tetap, Kepong tetap dan Sri Iskandar juga tetap tidak perlu menambahkan output.

Wilayah Selangor pula, cawangan Sungai Besar perlu menambahkan output sebanyak 28.14%, Kajang 2.69%, Banting 35.90%, Klang 10.46%, Subang 21.29%, Melawati 6.53%, Petaling Jaya 13.54%, Kelana Jaya 20.86%, Daman Sara 42.62%, Sungai Buluh 41.14%, Ampang 77.76%, Shah Alam tetap, USJ 23.68%, Puchong perlu menambahkan output sebanyak 42.21%, Port Klang 50.39%, PJ OLD TOWN perlu menambahkan output sebanyak 55.07%, Bandar Baru Bangi perlu menambahkan output sebanyak 33.97%, Kuala Selangor perlu menambahkan output sebanyak 8.25%, SRPG Raya 38.76% dan Rawang perlu menambahkan output sebanyak 55.58%.



### 4.3 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keuntungan Bank

#### 4.3.1 Analisis Regresi

Dalam kaedah persamaan iaitu dengan menggunakan model regresi berbilang, pengujian yang dilakukan adalah pengujian t dan pengujian F. Pengujian t merupakan pengujian data secara individu iaitu digunakan untuk menguji tahap perhubungan antara pembolehubah bersandar iaitu keuntungan bank dengan salah satu pembolehubah tidak bersandar sama ada kecekapan, belanja kendalian, faedah bersih dan aset. Pengujian F pula dilakukan untuk menguji kesignifikan secara serentak untuk semua pembolehubah bebas yang telah dikenalpasti. Nilai aras keertian 1%, 5% dan 10% boleh digunakan untuk menentukan sama ada sesuatu pengujian hipotesis ditolak atau diterima jika memenuhi syarat.

**Jadual 4.7 : Nilai Taburan-t dan Signifikan Tanpa Inflasi**

| Pembolehubah                        | B         | Nilai t   | Signifikan |
|-------------------------------------|-----------|-----------|------------|
| (Konstan)                           | -133.1915 | -0.198612 | 0.8429     |
| Kecekapan(EF <sub>i</sub> )         | 363.857   | 0.495     | 0.622      |
| Belanja Kendalian(BO <sub>i</sub> ) | -0.871    | -2.122    | 0.036      |
| Faedah Bersih(FB <sub>i</sub> )     | 1.026     | 19.936    | 0.000      |
| Aset(A <sub>i</sub> )               | -0.004    | -5.107    | 0.000      |
| F-test                              | 0.00      |           |            |
| R <sup>2</sup>                      | 0.93      |           |            |
| N                                   | 112       |           |            |

$$Y_i = B_0 + B_1EF_i + B_2CB_i + \epsilon_i$$

$$Y_i = -133.195 + 363.857EF_i - 0.871BO_i + 1.026FB_i - 0.004A_i + \epsilon_i$$

Nilai t                      (0.495)              (-2.122)              (19.936)              (-5.107)

Sig                              (0.622)              (0.036)              (0.000)              (0.000)

Berdasarkan Jadual 4.7 dan persamaan regresi di atas, pembolehubah bebas iaitu kecekapan, dan ciri-ciri bank yang meliputi belanja kendalian, faedah bersih dan aset dapat mempengaruhi keuntungan bank. Selain itu, nilai koefisien bagi setiap pembolehubah di atas boleh menerangkan kesan kepada pembolehubah bersandar.

Pembolehubah bebas yang pertama iaitu kecekapan mempunyai nilai koefisien iaitu 363.85. Ini menunjukkan, jika berlaku peningkatan sebanyak satu peratus dalam kecekapan, menyebabkan keuntungan akan meningkat sebanyak RM363.85. Oleh itu, pertambahan satu peratus dalam kecekapan menyebabkan peningkatan ke atas keuntungan dalam jumlah yang besar iaitu RM363.85. Maka wujud hubungan yang positif antara kecekapan dengan keuntungan bank seperti yang dikatakan oleh Park dan Weber (2006). Justeru itu, jangkaan dalam bab sebelum ini yang menyatakan kecekapan berhubung positif dengan keuntungan bank adalah benar. Terdapat kesan yang positif, semakin cekap dalam pengurusan bank, ini akan meningkatkan keuntungan bank.

Seterusnya, nilai koefisien bagi pembolehubah bebas bagi ciri-ciri bank juga dianalisis. Pembolehubah bebas bagi ciri-ciri bank yang pertama adalah belanja kendalian. Belanja kendalian mempunyai nilai koefisien iaitu -0.87. Ini menunjukkan, apabila berlaku peningkatan dalam belanja kendalian sebanyak RM1 akan menyebabkan keuntungan berkurang sebanyak RM0.87. Maka, jangkaan dalam bab sebelum ini yang menyatakan belanja kendalian berhubung negatif dengan keuntungan bank adalah benar. Wujud kesan yang negatif antara belanja kendalian dengan keuntungan bank seperti yang dikatakan oleh Athanasoglou, Brissimis dan Delis (2008). Hal ini kerana belanja kendalian merupakan kos dalam menjalankan operasi bank. Semakin besar perbelanjaan semakin besar kos dan seterusnya akan menyebabkan berlakunya pengurangan dalam keuntungan bank yang lebih besar.

Ciri bank yang kedua adalah faedah bersih. Faedah bersih mempunyai nilai koefisien iaitu 1.026. Ini bermakna, peningkatan RM1 dalam faedah bersih akan meningkatkan keuntungan sebanyak RM1.026. Wujud kesan positif antara faedah bersih dengan keuntungan bank seperti yang diperkatakan oleh Molyneux dan Thornton (1992).

Maka, jangkaan dalam bab sebelum ini yang menyatakan faedah bersih berhubung positif dengan keuntungan bank adalah benar. Faedah bersih merupakan sebahagian daripada hasil atau pendapatan bank. Apabila hasil atau pendapatan bank meningkat, ini akan meningkatkan keuntungan bank.

Ciri bank yang ketiga adalah aset. Aset mempunyai nilai koefisien iaitu -0.004. Ini bermakna, peningkatan RM1 dalam aset akan mengurangkan keuntungan bank sebanyak RM0.004. Oleh itu, pertambahan RM1 dalam aset menyebabkan pengurangan ke atas keuntungan dalam jumlah yang sedikit iaitu RM0.004. Maka, dalam hasil kajian ini tidak dapat menyatakan jangkaan dalam bab sebelum ini yang menyatakan aset mempunyai hubungan yang positif serta menyebabkan perubahan yang besar dalam keuntungan bank. Justeru itu, dalam kajian ini tidak dapat membuktikan pernyataan Molyneux dan Thornton yang menyatakan terdapat hubungan yang positif antara aset dengan keuntungan bank.

**Jadual 4.8 : Nilai Taburan-t dan Signifikan Dengan Inflasi**

| Pembolehubah                | B       | Nilai t | Signifikan |
|-----------------------------|---------|---------|------------|
| (Konstan)                   | -       | -       | -          |
| Kecekapan( $EF_i$ )         | 363.857 | 0.495   | 0.622      |
| Belanja Kendalian( $BO_i$ ) | -0.871  | -2.122  | 0.036      |
| Faedah Bersih( $FB_i$ )     | 1.026   | 19.936  | 0.000      |
| Aset( $A_i$ )               | -0.004  | -5.107  | 0.000      |
| Inflasi(INF)                | -66.595 | -0.986  | 0.842      |
| F-test                      |         | 0.00    |            |
| $R^2$                       |         | 0.93    |            |
| N                           |         | 112     |            |

$$Y_i = B_0 + B_1 EFi + B_2 CBi + B_3 PMi + \epsilon_i$$

$$Y_i = 363.857 EFi - 0.871 BO_i + 1.026 FB_i - 0.004 A_i - 66.595 INFi + \epsilon_i$$

|         |         |          |          |          |          |
|---------|---------|----------|----------|----------|----------|
| Nilai t | (0.495) | (-2.122) | (19.936) | (-5.107) | (-0.198) |
|---------|---------|----------|----------|----------|----------|

|     |         |         |         |         |         |
|-----|---------|---------|---------|---------|---------|
| Sig | (0.622) | (0.036) | (0.000) | (0.000) | (0.842) |
|-----|---------|---------|---------|---------|---------|

Berdasarkan Jadual 4.8 dan hasil penganggaran persamaan regresi, dengan adanya pembolehubah bebas inflasi didapati tiada nilai intersep. Pembolehubah bebas inflasi mempunyai nilai koefisien iaitu -66.595. Ini bermaksud apabila inflasi meningkat sebanyak satu peratus, keuntungan akan berkurangan sebanyak RM66.59. Dalam bab sebelum ini termasuk kajian lepas, hubungan inflasi dengan keuntungan bank adalah samar-samar. Namun dalam kajian ini inflasi lebih kepada mempunyai hubungan yang negatif. Hal ini adalah kerana apabila berlaku peningkatan dalam inflasi, akan mengurangkan nilai wang. Kemampuan masyarakat untuk membuat pinjaman dan membayar balik pinjaman akan berkurang.

#### 4.3.1.1 Pengujian-t

##### a) Tanpa Inflasi

Ujian signifikan yang pertama adalah terhadap pembolehubah bebas iaitu kecekapan. Ini adalah untuk menguji sekiranya wujud perhubungan antara jumlah keuntungan bank dengan kecekapan.

Hipotesis ;

$$H_0 : \beta_1 = 0$$

(Kecekapan tidak mempengaruhi jumlah keuntungan)

$$H_1 : \beta_1 \neq 0$$

(Kecekapan mempengaruhi jumlah keuntungan)

Hasil regresi menunjukkan pembolehubah kecekapan bank adalah tidak signifikan pada nilai 0.622. Ini menunjukkan bahawa kita tidak dapat menolak  $H_0$  pada aras keertian 10% yang menunjukkan kecekapan tidak mempengaruhi jumlah keuntungan. Dengan ini, kita tidak mempunyai cukup bukti untuk menyatakan bahawa terdapat hubungan antara kecekapan dengan jumlah keuntungan bank. Hal ini mungkin berlaku disebabkan Bank Rakyat masih belum dapat mengeluarkan input dan outputnya pada tahap yang cekap.

Seterusnya, hasil regresi terhadap ciri-ciri bank dengan jumlah keuntungan juga dianalisis. Ciri-ciri bank tersebut meliputi belanja kendalian, faedah bersih dan aset.

Hipotesis :

$$H_0 : \beta_2 = 0$$

(Ciri-ciri bank tidak mempengaruhi jumlah keuntungan)

$$H_1 : \beta_2 \neq 0$$

(Ciri-ciri bank mempengaruhi jumlah keuntungan)

Ciri-ciri bank yang pertama adalah belanja kendalian. Bagi belanja kendalian, hasil regresi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada nilai 0.036 dengan jumlah keuntungan. Ini memperlihatkan bahawa kita berjaya menolak  $H_0$  pada aras keertian 5% yang menunjukkan belanja kendalian tidak mempengaruhi jumlah keuntungan. Dengan ini, kita mempunyai cukup bukti untuk menyatakan bahawa terdapat hubungan yang negatif antara belanja kendalian dengan jumlah keuntungan.

Ciri bank yang kedua adalah faedah bersih. Hasil regresi menunjukkan faedah bersih mempunyai hubungan yang signifikan pada nilai 0.0 dengan jumlah keuntungan. Ini memperlihatkan bahawa kita berjaya menolak  $H_0$  pada aras keertian 1% yang menunjukkan faedah bersih tidak mempengaruhi jumlah keuntungan. Dengan ini, kita mempunyai cukup bukti untuk menyatakan bahawa terdapat hubungan yang positif antara faedah bersih dengan jumlah keuntungan.

Ciri bank yang ketiga adalah Aset. Hasil regresi menunjukkan Aset mempunyai hubungan yang signifikan pada nilai 0.0 dengan jumlah keuntungan. Ini memperlihatkan bahawa kita berjaya menolak  $H_0$  pada aras keertian 1% yang menunjukkan faedah bersih tidak mempengaruhi jumlah keuntungan. Dengan ini, kita mempunyai cukup bukti untuk menyatakan bahawa terdapat hubungan antara faedah bersih dengan jumlah keuntungan.

#### **b) Dengan Inflasi**

Ujian signifikan yang terakhir adalah terhadap pembolehubah bebas iaitu inflasi. Ini adalah untuk menguji sekiranya wujud perhubungan antara jumlah keuntungan bank dengan inflasi.

Hipotesis ;

$$H_0 : \beta_3 = 0$$

(Inflasi tidak mempengaruhi jumlah keuntungan)

$$H_1 : \beta_3 \neq 0$$

(Inflasi mempengaruhi jumlah keuntungan)

Hasil regresi menunjukkan pembolehubah inflasi bank adalah tidak signifikan pada nilai 0.842. Ini menunjukkan bahawa kita tidak dapat menolak  $H_0$  pada aras keertian 10% yang menunjukkan inflasi tidak mempengaruhi jumlah keuntungan. Dengan ini, kita tidak mempunyai cukup bukti untuk menyatakan bahawa terdapat hubungan antara inflasi dengan jumlah keuntungan bank.

#### **4.3.1.2 Pengujian-F**

Analisis ini dilakukan untuk menguji kesignifikan secara serentak untuk semua pembolehubah bebas yang telah dikenalpasti. Hipotesis yang dirangka bagi taburan F adalah seperti berikut :

Hipotesis ;

$$H_0 : \beta_1 = \beta_2 = \beta_3 = 0$$

(Semua pembolehubah bebas tidak mempengaruhi pembolehubah bersandar)

$$H_1 : \beta_1 \neq \beta_2 \neq \beta_3 \neq 0$$

(Sekurang-kurangnya satu pembolehubah bebas mempengaruhi pembolehubah bersandar)

Melalui Jadual 4.2 dan 4.3, nilai signifikan 0.000 adalah lebih kecil daripada nilai aras keertian 1 peratus. Ini bermakna, keputusan adalah tolak  $H_0$ . Pada aras keertian 1 peratus, keputusan hipotesis adalah tolak  $H_0$  yang bermaksud sekurang-kurangnya satu pembolehubah bebas mempengaruhi pembolehubah bersandar. Oleh itu, diketahui sekurang-kurangnya satu pembolehubah bebas tersebut iaitu kecekapan, belanja kendalian, faedah bersih, aset dan inflasi mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu jumlah keuntungan bank.

#### 4.3.2 Ujian keertian terhadap anggaran ( $R^2$ )

$R^2$  merupakan koefisien penentuan yang mengukur ketepatan garisan yang dipadankan (garisan regresi) yang didapati daripada pembolehubah bebas dan bersandar. Nilai  $R^2 = 0.935$  dalam model menunjukkan sebanyak 93.5% daripada variasi pembolehubah bebas (kecekapan, belanja kendalian, faedah bersih dan aset) dapat menerangkan variasi pembolehubah bersandar iaitu keuntungan bank.  $R^2$  yang memberikan nilai yang tinggi boleh digunakan sebagai ramalan untuk menggambarkan model kajian adalah baik dimana hanya 6.5% sahaja variasi dalam pembolehubah bersandar tidak dapat diterangkan oleh pembolehubah bebas.

#### **4.4 Penutup**

Secara kesimpulannya, hasil kajian ini telah dapat membuktikan kecekapan memberi kesan positif terhadap keuntungan bank. faktor-faktor lain iaitu ciri-ciri bank yang meliputi belanja kendalian, faedah bersih dan aset dapat mempengaruhi keuntungan bank. Hal ini dibuktikan melalui analisis yang dijalankan menggunakan pendekatan ekonometrik dan penerangan daripada data sekunder yang diperolehi daripada sumber-sumber kerajaan dan swasta. Pengujian t, F, dan koefisien diterangkan bagi mengukuhkan lagi bukti terdapat hubungan antara faktor-faktor yang dipilih.



## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Kandungan bab lima adalah merumuskan secara keseluruhan dapatan kajian yang diperolehi. Cadangan juga diberikan untuk kegunaan bank di masa akan datang. Setiap cadangan dan pandangan yang diberikan adalah diharapkan dapat dinilai dan dijadikan panduan untuk pengkaji-pengkaji yang seterusnya supaya dapat memperbaiki dan meningkatkan lagi kualiti hasil kajian.

#### **5.1 Rumusan Penemuan Hasil Kajian Berdasarkan Objektif Kajian**

##### **5.1.1 Mengukur Kecekapan Bank Rakyat**

Berdasarkan metodologi dan hasil kajian yang telah dilakukan, kecekapan bank dapat diukur dengan menggunakan perisian DEA dan dianalisis menggunakan analisis deskriptif, nilai skor CCR-I dan analisis terhadap unjuran (*projection*).

Hasil kajian berdasarkan nilai skor CCR-I telah mendapati nilai yang paling cekap yang mencapai tahap kecekapan adalah bersamaan dengan 1 atau 100%. Kajian mendapati hanya sebahagian kecil sahaja cawangan Bank Rakyat yang telah beroperasi dengan cekap. Namun begitu ramai cawangan Bank Rakyat yang beroperasi menghampiri tahap Kecekapan.

Hasil kajian berdasarkan nilai unjuran (*projection*) pula mendapati input-input yang meliputi buruh dan deposit hendaklah digunakan dengan cekap. Setiap cawangan hendaklah menggunakan input yang minima bagi menghasilkan output yang maksima supaya dapat beroperasi dengan cekap. Jika berlaku lebihan dalam penggunaan input mestilah dikurangkan supaya input tersebut dapat digunakan secara cekap. Input yang digunakan sepadan dengan output yang dikeluarkan. Ketidakekapan bank akan wujud sekiranya mengeluarkan terlalu sedikit output dengan menggunakan terlalu banyak input jika tidak beroperasi pada sempadan. Maka rumusnya kecekapan dapat diukur dalam kajian ini

### **5.1.2 Kesan Kecekapan Kepada Keuntungan Bank**

Berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi, didapati kecekapan tidak mempengaruhi keuntungan bank. Hal ini dapat dibuktikan dengan nilai Hasil regresi menunjukkan pembolehubah kecekapan bank adalah tidak signifikan pada nilai 0.622. Ini menunjukkan bahawa tidak dapat menolak  $H_0$  pada aras keertian 10% yang menunjukkan kecekapan tidak mempengaruhi jumlah keuntungan. Dengan ini, tidak mempunyai cukup bukti untuk menyatakan bahawa terdapat hubungan antara kecekapan dengan jumlah keuntungan bank. Hal ini mungkin berlaku disebabkan Bank Rakyat masih belum dapat mengeluarkan input dan outputnya pada tahap yang cekap. Namun begitu berdasarkan nilai kecekapan mempunyai nilai koefisien iaitu 363.85. Ini bermaksud, peningkatan sebanyak satu peratus dalam kecekapan, menyebabkan keuntungan akan meningkat sebanyak RM363.85. Oleh itu, pertambahan satu peratus dalam kecekapan menyebabkan peningkatan ke atas keuntungan dalam jumlah yang besar iaitu sebanyak RM363.85. Maka, jangkaan dalam bab sebelum ini yang menyatakan kecekapan berhubung positif dengan keuntungan bank adalah benar. Semakin cekap dalam pengurusan bank, ini akan meningkatkan keuntungan bank. Oleh itu, dapat dirumuskan disini kecekapan memberi kesan yang positif kepada keuntungan bank

### 5.1.3 Kesan Ciri-Ciri Bank Dan Persekitaran Ekonomi Kepada Keuntungan Bank

Jika dilihat dari segi ciri-ciri bank yang meliputi belanja kendalian, faedah bersih dan aset dan merupakan pembolehubah bebas, semua ciri-ciri ini mempengaruhi keuntungan bank. Ciri bank pertama adalah belanja kendalian. Didapati hasil regresi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada nilai 0.036 dengan jumlah keuntungan. Ini memperlihatkan bahawa kita berjaya menolak  $H_0$  pada aras keertian 5%. Dengan ini, terdapat hubungan antara belanja kendalian dengan jumlah keuntungan. Manakala dari segi nilai koefisien pula didapati belanja kendalian mempunyai nilai koefisien -0.87. Ini bermaksud, apabila berlaku peningkatan dalam belanja kendalian sebanyak RM1 akan menyebabkan keuntungan berkurang sebanyak RM0.87. Maka, jangkaan dalam bab sebelum ini yang menyatakan belanja kendalian berhubung negatif dengan keuntungan bank adalah benar.

Selain itu inflasi juga merupakan pembolehubah bebas dalam kajian ini. Berdasarkan nilai koefisien, inflasi mempunyai nilai -66.595. Ini bermaksud apabila inflasi meningkat sebanyak satu peratus, keuntungan akan berkurangan sebanyak RM66.59. Dalam bab sebelum ini termasuk kajian lepas, hubungan inflasi dengan keuntungan bank adalah samar-samar. Namun dalam kajian ini inflasi lebih kepada mempunyai hubungan yang negatif. Hal ini adalah kerana apabila berlaku peningkatan dalam inflasi, akan mengurangkan nilai wang. Kemampuan masyarakat untuk membuat pinjaman dan membayar balik pinjaman akan berkurang. Maka keadaan ekonomi juga mempengaruhi keuntungan bank.

Dalam kajian ini, didapati pengujian keertian terhadap anggaran adalah tinggi yang menunjukkan perubahan variasi pembolehubah bebas adalah secara keseluruhannya dapat menerangkan variasi pembolehubah bersandar iaitu keuntungan bank. Dapatan kajian memperolehi  $R^2 = 0.935$  yang menunjukkan sebanyak 93.5% daripada variasi pembolehubah bebas (kecekapan, belanja kendalian, faedah bersih dan aset) dapat menerangkan variasi pembolehubah bersandar iaitu keuntungan bank. Hanya 6.5% sahaja variasi dalam pembolehubah bersandar tidak dapat diterangkan oleh pembolehubah bebas.

## 5.2 Cadangan

Setelah membincangkan secara mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keuntungan dan telah melakukan beberapa analisis terhadap model, maka langkah seterusnya ialah bagaimanakah hendak mencapai kecekapan dan mengekalkan atau meningkatkan keuntungan bank yang berterusan terutamanya Bank Rakyat dalam usaha negara mengutamakan sektor perbankan. Beberapa cadangan yang wajar dikemukakan perlu dipertimbangkan untuk menjadikan Bank Rakyat sebagai sektor perbankan negara yang terus berkembang dan berdaya saing dalam era globalisasi ini.

Sebelum memberi cadangan, di sini akan mengemukakan beberapa langkah yang telah dilakukan oleh Bank Rakyat bagi mencapai kecekapan. Antara langkah yang telah dilakukan oleh pihak bank bagi mencapai kecekapan adalah dengan mengurangkan kadar keuntungan terendah yang sebelum ini adalah 5.6% dan kini di turunkan kepada 4.9% dengan tempoh bayaran balik yang lebih panjang sehingga mencapai tempoh 15 tahun dan kelayakan umur sehingga 58 tahun boleh membuat pinjaman. Bank telah memperkenalkan produk baru iaitu pembiayaan peribadi-aslah merdeka. Hal ini akan memudahkan lagi pihak bank untuk mencapai bajet. Setiap cawangan perlu mencapai bajet yang telah ditetapkan mengikut gred cawangan masing-masing.

Beberapa cadangan akan dikemukakan bagi mencapai kecekapan dan keuntungan yang berterusan. Antara cadangan tersebut adalah peminjam diwajibkan memohon insurans terutamanya kepada peminjam yang membuat pinjaman dalam jumlah yang tinggi, peminjam yang bermasalah, peminjam yang telah mencapai tahap umur warga emas dan peminjam yang telah membuat pinjaman sebelum ini (overlap) tetapi bermasalah. Hal ini adalah kerana sebelum ini insurans tidak diwajibkan kepada peminjam terutamanya kepada peminjam yang meminjam dalam jumlah yang tinggi. Adakalanya peminjam tidak mahu memohon insurans adalah disebabkan bagi mereka kos untuk mendapatkan insurans itu tinggi. Akibatnya bank terpaksa menanggung pembiayaan yang tidak berbayar dalam jumlah yang tinggi. Ini sama sekali akan merugikan pihak bank sama ada dari segi pengurusan mahupun kos yang terpaksa

ditanggung. Pihak bank juga harus lebih mengambil berat semasa proses memberikan kelulusan pinjaman terutamanya urusan pinjaman yang melibatkan jumlah pinjaman yang tinggi. Seseengah cawangan bank meluluskan pemberian pinjaman hanya untuk mencapai bajet, supaya bajet yang telah ditetapkan tercapai. Namun haruslah difikirkan kesannya kepada peminjam yang tidak mampu membayar balik pinjaman dan juga kesannya kepada bank yang terpaksa menanggung kos pembiayaan yang tidak perbayar yang tinggi jumlahnya. Pastikan peminjam yang benar-benar mampu membayar sahaja yang diluluskan bagi membuat pinjaman dalam jumlah yang tinggi.

Cadangan yang kedua adalah menarik pelanggan bukan bumiputera dengan memperkenalkan tentang produk-produk perbankan Islam. Hal ini adalah kerana Bank Rakyat menghadapi kekurangan pelanggan dari golongan bukan bumiputera. Oleh itu Bank Rakyat perlu memperkenalkan produk-produk dan perkhidmatan kepada golongan bukan bumiputera supaya mereka lebih mengetahui tentang kelebihan produk-produk yang ditawarkan oleh Bank Rakyat berbanding institusi perbankan lain. Selain itu bagi meningkatkan pembiayaan dari golongan bukan bumiputera, pihak bank harus melonggarkan syarat pembiayaan sewa beli kepada golongan yang berpendapatan rendah dan bukan kakitangan kerajaan. Pihak bank perlu mewujudkan skim khas kepada golongan yang bekerja sendiri (bukan bumiputera). Bank Rakyat perlu mengambil tenaga kerja mahir bagi meningkatkan pengeluaran produk-produk yang berlandaskan syariat Islam. Kadar keuntungan yang telah ditetapkan harus mencapai bajet yang telah ditetapkan dengan kadar pembiayaan tidak berbayar (PTB) yang rendah pada tahun ini, jika tidak kadar tersebut harus diubah semula.

Cadangan ketiga adalah dengan meningkatkan inovasi dan kreativiti. Bagi meningkatkan inovasi dan kreativiti, Bank Rakyat perlu mengadakan dan menambah baik ruangan di intranet Bank Rakyat yang berkaitan inovasi dan kreativiti supaya dapat melahirkan warga kerja yang kreatif. Bilangan buku di perpustakaan perlu ditambah, terutama buku-buku yang berunsurkan ilmiah. Bagi setiap kursus yang diikuti perlu dibentangkan kepada warga kerja yang lain supaya langkah penyelesaian boleh diambil dan boleh dilakukan bersama seterusnya dapat memperbaiki operasi bank.

### 5.3 Implikasi Dasar

Bajet 2009 sememangnya sudahpun menganjurkan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan bagi tahun 2009. Sebagai kerajaan yang prihatin, penekanan telah diberikan kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat, terutamanya yang miskin dan berpendapatan rendah selain daripada memberi tumpuan ekonomi yang mapan. Dalam perkara ini, penekanan telah diberi kepada perluasan Jaringan Keselamatan Sosial untuk menyokong golongan miskin dan berpendapatan rendah, di desa dan di kota, di pekan kecil dan kampung. Justeru itu taraf hidup rakyat akan meningkat. Hal ini akan menggalakkan lagi mereka untuk membuat pembiayaan dan memudahkan lagi mereka untuk membayar balik pinjaman. Output bank akan meningkat manakala kos bank dalam menanggung pembiayaan tidak berbayar juga akan berkurang. Walaupun hasil kerajaan berkurangan ketika penurunan harga komoditi yang mendadak serta permintaan global yang lembab, kerajaan perlu terus melaksanakan langkah perbelanjaan yang telah dirancang. Ini termasuk memperluas program Jaringan Keselamatan Sosial, memperkasakan pendidikan, membangunkan infrastruktur sokongan dan membangunkan kawasan luar bandar, termasuk Sabah dan Sarawak

